

D.R. 39/92 y/

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG
PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN 1992

SUSUNAN PASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN BURSA NIAGA HADAPAN

3. Penubuhan pasaran niaga hadapan.
4. Kuasa Menteri untuk meluluskan penubuhan bursa niaga hadapan.
5. Pengurusan syarikat bursa.
6. Kelulusan pindaan perlembagaan dan kaedah-kaedah perniagaan dan pindaan kepadanya.
7. Pembatalan kelulusan.
8. Penggantungan perdagangan sebagai ganti pembatalan keiulusan.
9. Penutupan bursa dalam masa darurat.
10. Kuasa Suruhanjaya untuk mengambil tindakan terhadap syarikat bursa, pusat penjelasan, dll. kerana tidak mematuhi kaedah, peraturan, dll.
11. Suruhanjaya boleh mengesyorkan pembatalan kelulusan.
12. Penyiaran notis pembatalan, penggantungan perdagangan atau penutupan.
13. Perdagangan dalam kontrak niaga hadapan dilarang semasa penggantungan perdagangan atau penutupan bursa niaga hadapan.
14. Halangan masuk ke dalam bursa niaga hadapan.
15. Kuasa-kuasa darurat Suruhanjaya.

BAHAGIAN III

PELESENAN BROKER NIAGA HADAPAN, PENASIHAT
PERDAGANGAN NIAGA HADAPAN DAN WAKIL-WAKIL

Fasal

16. Broker niaga hadapan hendaklah dilesenkan.
17. Penasihat perdagangan niaga hadapan hendaklah dilesenkan.
18. Wakil broker niaga hadapan hendaklah dilesenkan.
19. Wakil penasihat perdagangan niaga hadapan hendaklah dilesenkan.
20. Orang-orang yang terkecuali daripada dilesenkan di bawah Akta ini.
21. Pegawai Pelesen.
22. Pelesenan orang-orang di bawah Bahagian ini.
23. Sekatan atas pemberian lesen.
24. Keengganan untuk memberikan lesen.
25. Pembaharuan lesen.
26. Pembatalan lesen.
27. Penyerahan lesen.
28. Kuasa-kuasa Pegawai Pelesen dalam hal salah laku, dsb.
29. Kesan pembatalan, penggantungan atau penyerahan lesen.
30. Rayuan kepada Menteri terhadap keengganan memberikan lesen, dll.
31. Pernyataan palsu.
32. Maklumat yang hendaklah diberikan oleh orang berlesen.
33. Daftar orang berlesen.
34. Penyiaran nama dan alamat.
35. Bursa niaga hadapan hendaklah memberikan bantuan kepada Pegawai Pelesen.

BAHAGIAN IV

AKAUN DAN AUDIT

36. Akaun hendaklah disimpan oleh broker niaga hadapan.
37. Broker niaga hadapan hendaklah melantik juruaudit.
38. Broker niaga hadapan hendaklah mengemukakan akaun tahunan, dll.
39. Laporan oleh juruaudit kepada Suruhanjaya dalam hal-hal tertentu.
40. Kuasa Suruhanjaya untuk melantik juruaudit bebas.
41. Kuasa juruaudit yang dilantik oleh Suruhanjaya.

Fasal

42. Kesalahan jika membinasakan, mengubah, dll. rekod-rekod.
43. Sekatan ke atas hak juruaudit dan pekerja untuk mendedahkan perkara-perkara tertentu.
44. Obligasi tambahan ke atas broker niaga hadapan.
45. Penyenggaraan buku dan rekod dan pemberian akaun, dsb. oleh penasihat perdagangan niaga hadapan.
46. Pemakaian peruntukan tertentu Bahagian ini bagi bursa niaga hadapan, dll.
47. Kuasa-kuasa tambahan Suruhanjaya berkenaan dengan juruaudit.
48. Fitnah.

BAHAGIAN V

AMALAN PERDAGANGAN

49. Pengeluaran nota-nota kontrak.
50. Berdagang sebagai prinsipal.
51. Broker niaga hadapan membekalkan maklumat tertentu, dll. kepada pelanggan.
52. Pengasingan wang pelanggan, dll. oleh broker niaga hadapan.
53. Pendedahan risiko oleh broker niaga hadapan dan penasihat perdagangan niaga hadapan.
54. Broker niaga hadapan hendaklah memberikan keutamaan kepada pesanan pelanggan.
55. Penetapan kedudukan dan had perdagangan dalam kontrak niaga hadapan.
56. Perihal tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

BAHAGIAN VI

TABUNG KESETIAAN

57. Tafsiran.
58. Penubuhan tabung kesetiaan.
59. Jawatankuasa tabung kesetiaan.
60. Wang yang menjadi tabung kesetiaan.
61. Tabung kesetiaan hendaklah disimpan dalam akaun berasingan.
62. Pembayaran daripada tabung kesetiaan.
63. Akaun-akaun tabung kesetiaan.
64. Caruman kepada tabung kesetiaan.
65. Kuasa syarikat bursa untuk membuat pendahuluan kepada tabung kesetiaan.

Fasal

66. Pelaburan wang dalam tabung kesetiaan.
67. Tuntutan terhadap tabung kesetiaan.
68. Had pampasan.
69. Notis memanggil tuntutan terhadap tabung kesetiaan.
70. Kuasa syarikat bursa berkenaannya dengan tuntutan.
71. Syarikat bursa boleh menghendaki dokumen dll. dikemukakan.
72. Hak membuat rayuan terhadap keputusan syarikat bursa.
73. Pensubrogasian syarikat bursa mengenai hak, dll. pihak menuntut apabila pembayaran dibuat daripada tabung kesetiaan.
74. Pembayaran tuntutan hanyalah daripada tabung kesetiaan.
75. Peruntukan jika tabung kesetiaan tidak cukup untuk membayar tuntutan atau jika tuntutan melebihi amaun yang kena dibayar.
76. Kuasa syarikat bursa untuk membuat kontrak insurans dan penggunaan hasil.
77. Tanggung rugi syarikat bursa.
78. Wang dalam tabung kesetiaan semasa penggulungan syarikat bursa.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN

79. Perdagangan palsu.
80. Pembrokeran liar.
81. Penyebaran maklumat tentang perdagangan palsu.
82. Manipulasi harga kontrak niaga hadapan dan memborong simpan.
83. Penggunaan muslihat, dll. untuk memfraud.
84. Pernyataan yang palsu atau mengelirukan. -
85. Sekatan terhadap pekerja syarikat bursa dan pusat penjelasan.
86. Larangan penyalahgunaan maklumat yang didapati atas sifat rasmi.
87. Pemalsuan rekod oleh pengarah, pekerja dan ejen.
88. Penalti.

BAHAGIAN VIII

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

89. Tafsiran.
90. Kuasa-kuasa Pegawai Penyiasat.

Fasal

91. Kemasukan dengan kekerasan.
92. Kuasa untuk memanggil orang untuk diperiksa.

BAHAGIAN IX

AM

93. Penjalanan pendakwaan.
94. Kerahsiaan.
95. Pengemukaan rekod, dll. oleh syarikat bursa, dll.
96. Penalti am.
97. Pengkompaunan kesalahan.
98. Orang yang disabitkan bertanggung membayar pampasan.
- 99- Kesalahan ogeh perbadanan. dll.
100. Kontrak niaga hadapan bukan kontrak penjualan pendek atau perjudian atau pertaganan.
101. Sekatan terhadap perniagaan dalam pasaran niaga hadapan.
102. Perdagangan dalam kontrak niaga hadapan di luar Malaysia.
103. Deposit hendaklah dibayar bagi perdagangan di Bursa Ditetentukan. '
104. Penyelesaian pertikaian.
105. Larangan menggunakan gelaran tertentu.
106. Kuasa untuk membuat peraturan.
107. Pengecualian berkenaan dengan Akta Perindustrian Sekuriti 1983.
108. Pengecualian berkenaan dengan Akta Dagangan Komoditi 1985.
109. Bank luar pesisir, syarikat luar pesisir, dsb. dikecualikan.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan bursa-bursa niaga hadapan, dan untuk mengawalselia perdagangan dalam kontrak-kontrak niaga hadapan, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1992.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"bank berlesen" ertinya sesuatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan termasuklah sesuatu bank Islam;

Akta 372.

"bank Islam" ertinya sesuatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983;

Akta 276.

"berdagang dalam kontrak niaga hadapan" berhubungan dengan mana-mana orang, sama ada bertindak sebagai prinsipal atau ejen, ertinya—

- (a) membeli atau menjual kontrak niaga hadapan;
- (b) menawarkan untuk membeli atau untuk menjual kontrak niaga hadapan;
- (c) mendorong atau cuba mendorong orang lain untuk membeli atau untuk melupuskan kontrak niaga hadapan;
- (d) membuat atau menawarkan untuk membuat perjanjian dengan mana-mana orang lain untuk membuat suatu perjanjian untuk membeli atau menjual kontrak niaga hadapan; atau
- (e) cuba mendapatkan atau menyetujui terima pesanan bagi, atau selainnya berdagang dalam, kontrak niaga hadapan,

dan berkaitan dengan itu orang itu menerima apa-apa wang, sekuriti atau harta (atau memberikan kredit sebagai gantinya) untuk memarginkan, menjamin atau memastikan apa-apa dagangan atau kontrak yang boleh dihasilkan daripadanya;

"broker niaga hadapan" ertinya seseorang, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, yang menjalankan perniagaan pembrokeran niaga hadapan dan yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta ini;

"Bursa Ditetapkan" ertinya mana-mana bursa seberang laut yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah dari semasa ke semasa;

"bursa niaga hadapan" ertinya sesuatu bursa niaga hadapan yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh suatu syarikat yang diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen 4(1);

"ditetapkan" ertinya ditetapkan melalui atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dan jika tiada cara disebutkan ertinya ditetapkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

"institusi berlesen" ertinya mana-mana institusi yang dilesenkan atau disifatkan dilesenkan di bawah subseksyen 6(4) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989;

"juruaudit" ertinya seseorang juruaudit syarikat yang diluluskan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965; *Akta 125*

"kaedah-kaedah perniagaan" ertinya kaedah-kaedah, tidak kira dengan nama apa jua disebut, yang mengawalselia aktiviti-aktiviti dan perjalanan—

- (a) sesuatu bursa niaga hadapan;
- (b) pusat penjelasannya; dan
- (c) orang-orang berlesen dan orang-orang lain berhubungan dengan perdagangan di pasaran niaga hadapan bursa niaga hadapan itu,

sama ada kaedah-kaedah itu dibuat oleh syarikat bursa atau dipinda atau ditambah mengikut subseksyen 6(3);

"kontrak niaga hadapan komoditi" ertinya sesuatu kontrak niaga hadapan yang melibatkan penyerahan sesuatu komoditi yang dinyatakan menurut seksyen 24 Akta Dagangan Komoditi 1985; *Akta 324*

"kontrak niaga hadapan" ertinya sesuatu kontrak yang bermaksud bahawa—

- (a) satu pihak bersetuju untuk menyerahkan suatu suratcara tertentu, atau suatu kuantiti tertentu bagi suatu suratcara tertentu kepada suatu pihak yang lain pada suatu masa hadapan tertentu dan pada harga tertentu yang kena dibayar pada masa itu menurut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah atau amalan-amalan perniagaan bursa niaga hadapan atau pasaran niaga hadapan; atau
- (b) pihak-pihak akan menunaikan obligasi-obligasi mereka di bawah kontrak itu dengan menyelesaikan perbezaan di antara nilai suatu kuantiti tertentu bagi suatu suratcara tertentu pada masa kontrak dibuat dengan nilai pada suatu masa hadapan tertentu, dan perbezaan itu

diputuskan mengikut kaedah-kaedah amalan-amalan perniagaan bursa niaga hadapan atau pasaran niaga hadapan tempat kontrak itu dibuat,

dan termasuklah sesuatu transaksi opsi niaga hadapan, tetapi tidak termasuk sesuatu perjanjian yang merupakan swap mata wang, swap kadar bunga, kontrak kadar pertukaran mata wang hadapan atau kontrak kadar bunga hadapan yang kepadanya sesuatu institusi berlesen menjadi suatu pihak atau sesuatu kontrak niaga hadapan komoditi yang diperdagangkan di bursa komoditi yang ditubuhkan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985;

"Lembaga Pengarah" ertinya Lembaga Pengarah sesuatu syarikat bursa;

"lesen" ertinya—

- (a) lesen broker niaga hadapan;
- (b) lesen wakil broker niaga hadapan;
- (c) lesen penasihat perdagangan niaga hadapan; atau
- (d) lesen wakil penasihat perdagangan niaga hadapan,

mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dikeluarkan di bawah Bahagian III;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi atau hakim Mahkamah Tinggi;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"orang berlesen" ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah Bahagian III;

"pasaran niaga hadapan" ertinya sesuatu pasaran, bursa niaga hadapan, tempat atau kemudahan di mana kontrak-kontrak niaga hadapan lazim diperolehi atau dilupuskan;

"pegawai" berhubungan dengan sesuatu perbadanan, termasuklah—

- (a) mana-mana pengarah, setiausaha atau pekerja perbadanan itu;

- (b) seseorang penerima dan pengurus mana-mana bahagian pengusahaan perbadanan itu yang dilantik di bawah kuasa yang terkandung dalam mana-mana suratcara; dan
- (c) mana-mana pelikuidasi sesuatu syarikat yang dilantik dalam penggulungan sukarela,

tetapi tidak termasuk—

- (aa) mana-mana penerima yang bukan juga seorang pengurus;
- (bb) mana-mana penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah; atau
- (cc) mana-mana pelikuidasi yang dilantik oleh Mahkamah atau oleh pemiutang-pemiutang;

"Pegawai Pelesen" ertinya pegawai awam yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 21;

"pelanggan", berhubungan dengan broker niaga hadapan, ertinya seseorang yang bagi pihaknya broker niaga hadapan itu berniaga, atau yang daripadanya broker niaga hadapan itu menerima arahan untuk berniaga, kontrak niaga hadapan;

"penasihat perdagangan niaga hadapan" ertinya mana-mana orang yang menjalankan perniagaan menasihati orang lain, secara langsung atau tak langsung, melalui penerbitan atau tulisan, atau yang, dengan apa jua cara atau media, menasihati orang lain tentang kontrak niaga hadapan, termasuklah kebijaksanaan berdagang dalam apa-apa kontrak niaga hadapan yang dibuat atau akan dibuat di, atau tertakluk kepada kaedah-kaedah perniagaan, sesuatu pasaran niaga hadapan atau yang, sebagai, sebahagian daripada suatu perniagaan biasa, mengeluarkan atau menyebarkan analisa atau laporan tentang perdagangan niaga hadapan, tetapi tidaklah termasuk—

- (a) sesuatu institusi berlesen;
- (b) seseorang broker niaga hadapan atau wakil broker niaga hadapan;
- (c) sesuatu bank Islam;

- (d) sesuatu syarikat atau pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana perundangan yang berhubungan dengan insurans;
- Akta 100.*
Akta 442
(e) sesuatu syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 atau Akta Syarikat Amanah Labuan 1990;
- Akta 301*
(f) seseorang yang merupakan tuan punya sesuatu akhbar dan pemegang suatu permit yang dikeluarkan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 jika—
- (i) setakat yang akhbar itu diedarkan pada amnya kepada orang ramai, akhbar itu diedarkan hanya kepada pelanggan dan pembeli akhbar itu dengan nilai;
 - (ii) nasihat itu diberikan atau analisa atau laporan itu dikeluarkan atau disebarluaskan hanya melalui akhbar itu;
 - (iii) orang itu tidak menerima apa-apa komisen atau balasan lain kerana mengeluarkan atau menyebarkan analisa atau laporan itu; dan
 - (iv) nasihat itu diberikan dan analisa dan laporan itu dikeluarkan atau disebarluaskan semata-mata bersampingan dengan perjalanan perniagaan orang itu sebagai tuan punya suatu akhbar; atau
- (g) mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya melalui peraturan-peraturan dari semasa ke semasa,

selagi perjalanan perniagaan itu oleh orang yang tersebut di atas itu adalah semata-mata bersampingan dengan penjalaannya;

"pengarah" ertinya mana-mana orang yang memegang jawatan pengarah sesuatu perbadanan tidak kira dengan nama apa jua disebut dan termasuklah seseorang yang mengikut arahan atau petunjuknya pengarah-pengarah sesuatu perbadanan itu lazim bertindak dan seseorang pengarah silih ganti atau pengarah ganti;

"perbadanan" ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang dibentuk atau diperbadankan atau wujud di dalam atau di luar Malaysia dan termasuklah mana-mana syarikat asing tetapi tidak termasuk—

- (a) mana-mana pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di dalam Malaysia dan yang diisytiharkan, melalui notis oleh Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi syarikat yang disiarkan dalam *Warta*, menjadi pihak berkuasa awam atau alat atau agensi Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri atau menjadi pertubuhan perbadanan yang tidak diperbadankan bagi maksud-maksud komersil;
- (b) mana-mana perbadanan seorang;
- (c) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan koperasi; atau
- (d) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai kesatuan sekerja;

"perlembagaan", berhubungan dengan sesuatu syarikat, ertinya memorandum dan perkara-perkara persatuan syarikat itu;

"perniagaan pembrokeran niaga hadapan" ertinya perniagaan cuba mendapatkan atau menyetujui pesanan bagi pembelian atau penjualan apa-apa kontrak niaga hadapan dan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan di mana-mana pasaran niaga hadapan dan yang berkaitan dengannya apa-apa wang, sekuriti atau harta diterima atau kredit sebagai gantinya diberikan untuk memarginkan, menjamin atau memastikan apa-apa dagangan atau kontrak yang mungkin terhasil daripadanya sama ada atau tidak perniagaan itu ialah sebahagian daripada, atau dijalankan bersama dengan, apa-apa perniagaan lain;

"pusat penjelasan", berhubungan dengan pasaran niaga hadapan sesuatu bursa niaga hadapan, ertinya sesuatu

syarikat atau persatuan atau organisasi yang menjadi sebahagian daripada bursa niaga hadapan itu yang—

- (a) menjelaskan, menyelesaikan dan mendaftarkan kontrak-kontrak niaga hadapan; dan
- (b) membuat pelarasan kepada obligasi-obligasi kontrak yang berbangkit daripada kontrak-kontrak niaga hadapan itu;

"syarikat bursa" ertinya sesuatu syarikat yang telah diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen 4(1) untuk menubuhkan dan mengendalikan bursa niaga hadapan;

"suratcara" termasuklah sekuriti, mata wang, kontrak niaga hadapan, suratcara kadar bunga, indeks syer, sekumpulan indeks syer dan apa-apa suratcara lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya melalui perintah, tetapi tidak termasuk apa-apa komoditi yang dinyatakan menurut seksyen 24 Akta Dagangan Komoditi 1985;

"Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1992;

Akta

"transaksi opsi niaga hadapan" ertinya transaksi berhubungan dengan suatu kontrak niaga hadapan yang memberi seseorang hak, yang diperolehi dengan memberikan balasan, untuk membeli atau menjual suatu kuantiti tertentu sesuatu suratcara pada harga tertentu dalam suatu tempoh masa tertentu dan termasuklah apa-apa opsi lain yang hal perkaranya ialah kontrak niaga hadapan;

"wakil broker niaga hadapan" ertinya mana-mana orang yang—

- (a) sebagai seorang yang diambil kerja secara langsung atau yang bertindak bagi seseorang broker niaga hadapan; atau
- (b) melalui perkiraan dengan seorang broker niaga hadapan,

melaksanakan, bagi broker niaga hadapan itu, mana-mana fungsi broker niaga hadapan itu berkaitan dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan, selain daripada kerja yang biasanya dilaksanakan oleh

akauntan, kerani atau juruwang, sama ada saraannya adalah dalam bentuk gaji, upah, komisen atau selainnya;

"wakil penasihat perdagangan niaga hadapan" ertinya seseorang yang—

- (a) sebagai seorang yang diambil kerja secara langsung oleh atau yang bertindak bagi seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan; atau
- (b) melalui perkiraan dengan seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan,

melaksanakan, bagi penasihat perdagangan niaga hadapan itu, mana-mana fungsi penasihat perdagangan niaga hadapan itu berkaitan dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan, selain daripada kerja yang biasanya dilaksanakan oleh akauntan, kerani atau juruwang, sama ada saraannya adalah dalam bentuk gaji, upah, komisen atau selainnya.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN BURSA NIAGA HADAPAN

3. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam penubuhan atau penyenggaraan atau mengemukakan dirinya sebagai mengadakan atau menyenggarakan suatu pasaran niaga hadapan yang bukan pasaran niaga hadapan suatu bursa niaga hadapan yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh suatu syarikat yang telah diberi kelulusan di bawah subseksyen 4(1).

Penubuhan pasaran niaga hadapan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

4. (1) Menteri boleh, apabila permohonan dibuat kepadanya oleh sesuatu syarikat, meluluskan, secara bertulis, penubuhan dan pengendalian suatu bursa niaga hadapan oleh syarikat itu jika dia berpuas hati bahawa

Kuasa Menteri untuk meluluskan penubuhan bursa niaga hadapan.

syarikat itu mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen (3).

(2) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disertakan dengan—

- (a) satu salinan perlembagaan syarikat itu; dan
- (b) apa-apa dokumen dan maklumat lain yang dikehendaki oleh Menteri.

(3) Kehendak-kehendak yang disebut dalam subseksyen (1) adalah—

- (a) bahawa di antara tujuan yang terkandung dalam perlembagaan syarikat itu ialah suatu peruntukan bagi penubuhan dan pengendalian suatu bursa niaga hadapan;
- (b) bahawa syarikat itu hendaklah—
 - (i) menyenggarakan, sehingga Menteri berpuas hati, suatu tempat perniagaan yang mencukupi dan dilengkapi dengan sepatutnya;
 - (ii) menubuhkan dan mengendalikan pasaran-pasaran niaga hadapan hanya di tempat-tempat yang diluluskan oleh Menteri;
 - (iii) menubuhkan atau membuat perkiraan bagi penubuhan suatu pusat penjelasan bagi penjelasan, pendaftaran dan penyelesaian kontrak-kontrak niaga hadapan dan pelarasan hari ke hari kedudukan kewangan kontrak-kontrak itu; dan
 - (iv) memastikan atau membuat perkiraan untuk memastikan bahawa kontrak-kontrak niaga hadapan yang didaftarkan oleh pusat penjelasannya ditepati sekiranya berlaku kemungkiran oleh salah satu pihak dalam kontrak itu, dan mengambil insurans yang mencukupi dalam hal itu;

- (c) bahawa perlembagaan syarikat itu mengadakan peruntukan bagi pembuatan kaedah-kaedah perniagaan yang terpakai bagi syarikat itu atas sifatnya sebagai suatu syarikat bursa dan pembuatan kaedah-kaedah pasaran niaga hadapannya;
- (d) bahawa perlembagaan syarikat itu memperuntukkan bahawa tiada kaedah perniagaan bursa niaga hadapan itu dan pindaan-pindaan kepadanya boleh berkuatkuasa melainkan jika diluluskan secara bertulis oleh Suruhanjaya; dan
- (e) bahawa syarikat itu hendaklah membuat perkiraan bagi penubuhan suatu tabung kesetiaan di bawah Bahagian VI.

(4) Dalam memberikan kelulusan di bawah subseksyen (1) Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

5. (1) Pengurusan sesuatu syarikat bursa hendaklah terletak pada Lembaga Pengarahnya. Pengurusan syarikat bursa.

(2) Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada—

- (a) dua orang anggota untuk mewakili broker-broker niaga hadapan, yang hendaklah dilantik daripada kalangan broker niaga hadapan oleh broker-broker niaga hadapan;
- (b) empat orang anggota untuk mewakili pemegang saham syarikat bursa itu; dan
- (c) tiga orang anggota untuk mewakili kepentingan awam, yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(3) Anggota-anggota Lembaga Pengarah, selain daripada yang dilantik oleh Menteri, hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang hendaklah ditentukan oleh kaedah-kaedah perniagaan bursa niaga hadapan itu.

(4) Anggota-anggota Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Menteri hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Menteri hendaklah melantik seorang anggota, daripada kalangan anggota yang dilantik olehnya, menjadi Pengerusi Eksekutif kepada Lembaga Pengarah dan gaji dan saraanya hendaklah dibayar oleh syarikat bursa itu.

(6) Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu bagi melaksanakan fungsi-fungsinya dan hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.

Kelulusan pindaan perlembagaan dan kaedah-kaedah perniagaan dan pmdaan kepadanya.

6. (1) Sesuatu syarikat bursa hendaklah mengemukakan atau menyebabkan supaya dikemukakan kepada Suruhanjaya bagi kelulusannya—

- (a) apa-apa pindaan kepada perlembagaannya;
- (b) kaedah-kaedah perniagaan bursa niaga hadapannya dan tiap-tiap pindaan kepadanya; dan
- (c) kaedah-kaedah perniagaan pusat penjelasannya dan tiap-tiap pindaan kepadanya.

(2) Suruhanjaya hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari selepas menerima apa-apa juga yang dikemukakan di bawah subseksyen (1), memberikan notis bertulis kepada syarikat bursa mengenai keengganan Suruhanjaya untuk meluluskan apa-apa jua yang dikemukakan di bawah subseksyen (1) sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan kepada Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), Suruhanjaya, boleh dengan notis bertulis kepada syarikat bursa, meminda atau menambah perlembagaannya, kaedah-kaedah perniagaan bursa niaga hadapannya atau kaedah-kaedah perniagaan pusat penjelasannya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembatalan kelulusan.

7. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Menteri boleh membatalkan kelulusan yang diberikan kepada sesuatu syarikat bursa di bawah seksyen 4 jika—

- (a) syarikat bursa itu tidak lagi mematuhi mana-mana kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen (3) seksyen itu;

- (b) syarikat bursa itu tidak lagi mengendalikan bursa niaga hadapannya;
- (c) syarikat bursa itu sedang digulung; atau
- (d) dia menerima syor daripada Suruhanjaya di bawah seksyen 11 bagi pembatalan kelulusan yang diberikan sedemikian.

(2) Menteri hendaklah memberi syarikat bursa itu notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari tentang niatnya hendak menjalankan kuasa pembatalannya di bawah subseksyen (1) dan notis itu hendaklah menyatakan alasan-alasan bagi pembatalan itu.

8. (1) Jika sesuatu syarikat bursa tidak lagi mematuhi mana-mana kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen 4(3), atau jika Menteri menerima suatu syor daripada Suruhanjaya di bawah seksyen 11, Menteri boleh tidak membatalkan kelulusan di bawah seksyen 7, tetapi sebaliknya mengarahkan supaya perdagangan dalam semua atau mana-mana pasaran niaga hadapan bursa niaga hadapan itu digantung sehingga masa syarikat bursa itu telah, sehingga Menteri berpuas hati, mematuhi kehendak itu atau membetulkan perkara yang menjadi asas syor oleh Suruhanjaya, atau sehingga Menteri membatalkan arahan itu.

Penggantungan perdagangan sebagai ganti pembatalan kelulusan. .

(2) Menteri hendaklah memberi syarikat bursa itu notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari tentang niatnya untuk mengarahkan penggantungan perdagangan di bawah subseksyen (1) dan notis itu hendaklah menyatakan alasan-alasan bagi penggantungan itu.

9. (1) Menteri boleh mengarahkan syarikat bursa supaya menutup bursa niaga hadapan itu selama tempoh tidak melebihi lima hari berkenaan dengan transaksi apa-apa perdagangan kontrak niaga hadapan mengenai apa-apa suratcara yang dinyatakan dalam arahan itu jika Menteri berpendapat bahawa transaksi teratur perdagangan itu sedang atau mungkin akan terhalang kerana—

Penutupan bursa dalam masa darurat.

- (a) darurat atau malapetaka alam telah berlaku di Malaysia; atau

(b) wujud krisis ekonomi atau kewangan atau apa-apa hal keadaan lain di Malaysia atau di tempat lain.

(2) Menteri boleh melanjutkan penutupan bursa niaga hadapan di bawah subseksyen (1) selama tempoh-tempoh selanjutnya yang setiap satunya tidak melebihi lima hari.

(3) Menteri hendaklah menyatakan alasan-alasan bagi penutupan itu dalam arahan yang diberikan di bawah subseksyen (1) dan alasan-alasan bagi apa-apa perlanjutan penutupan di bawah subseksyen (2).

Kuasa Suruhanjaya untuk mengambil tindakan terhadap syarikat bursa, pusat penjelasan, dll. kerana tidak mematuhi kaedah, peraturan, dll

10. Jika ditunjukkan bahawa—

(a) sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan—

(i) telah tidak mematuhi atau menepati kaedah-kaedah dan peraturan-peraturannya sendiri;

(ii) telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan atau perintah yang dibuat di bawah Akta ini; atau

(iii) telah tidak mematuhi mana-mana arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini; atau

(b) syarikat bursa atau pusat penjelasan itu, mana-mana anggota Lembaga Pengarahnya masing-masing atau mana-mana pegawai atau pekerja syarikat bursa atau pusat penjelasan itu telah bertindak dengan apa-apa cara berhubungan dengan pengendalian bursa niaga hadapan itu, mana-mana pasaran niaga hadapan atau pusat penjelasan itu yang telah memudaratkan atau yang mungkin akan memudaratkan kepentingan awam,

Suruhanjaya boleh, mengambil satu daripada tindakan-tindakan yang berikut atau lebih:

(aa) mengarahkan supaya perdagangan dalam semua atau mana-mana pasaran niaga hadapan bursa niaga hadapan itu digantung sehingga

masa syarikat bursa itu telah, sehingga Suruhanjaya berpuas hati, mematuhi atau membetulkan perkara yang menjadi asas penggantungan itu, atau sehingga Suruhanjaya membatalkan penggantungan itu;

- (bb) mengarahkan syarikat bursa, pusat penjelasan atau individu yang berkenaan supaya mematuhi mana-mana kaedah, peraturan, peruntukan perintah atau arahan itu atau menghentikan dan berhenti daripada melakukan mana-mana perbuatan itu, dan, dalam hal syarikat bursa atau pusat penjelasan, mengenakan penalti tidak melebihi seratus ribu ringgit dan, dalam hal seseorang anggota Lembaga Pengarah atau pegawai atau pekerja, mengenakan penalti tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; atau
- (cc) mencela syarikat bursa, pusat penjelasan atau individu yang berkenaan itu.

(2) Suruhanjaya hendaklah memberi syarikat bursa, pusat penjelasan atau individu itu notis tidak kurang daripada empat belas hari tentang niatnya untuk mengambil mana-mana tindakan di bawah subseksyen (1) dan notis itu hendaklah menyatakan alasan-alasan tindakan itu diambil.

(3) Sesuatu arahan, penalti atau celaan yang dikenakan di bawah subseksyen (1) adalah konklusif melainkan jika, dalam masa empat belas hari selepas itu, syarikat bursa, pusat penjelasan atau individu yang berkenaan itu merayu secara bertulis kepada Menteri terhadap arahan, penalti atau celaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Sesuatu rayuan di bawah subseksyen (2) tidaklah bertindak sebagai penangguhan arahan penggantungan perdagangan yang diberikan di bawah perenggan (1)(aa) melainkan jika diputuskan selainnya oleh Suruhanjaya.

(5) Menteri boleh mengesahkan atau mengetepikan mana-mana tindakan Suruhanjaya yang diambil di bawah

subseksyen (1) atau mengarahkan Suruhanjaya supaya mengubahsuaikan tindakannya, dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Suruhanjaya boleh mengesyorka pembatalan kelulusan.

11. Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa perbuatan atau peninggalan oleh syarikat bursa, atau mana-mana pegawai syarikat bursa, yang disebut dalam seksyen 10 adalah sedemikian seriusnya sehingga mewajarkan pembatalan kelulusan yang diberikan kepada syarikat bursa itu di bawah seksyen 4, Suruhanjaya boleh membuat syor kepada Menteri supaya membatalkan kelulusan yang diberikan olehnya kepada syarikat bursa itu.

Penyiaran notis pembatalan, penggantungan perdagangan atau penutupan.

12. Jika—

(a) sesuatu kelulusan dibatalkan di bawah seksyen 7; atau

(b) sesuatu syarikat bursa diarahkan supaya menggantung perdagangan di bawah seksyen 8 atau 10, atau menutup bursa niaga hadapannya di bawah seksyen 9,

Suruhanjaya hendaklah menyiarkan suatu notis mengenai pembatalan lesen itu atau arahan bagi penggantungan perdagangan atau bagi penutupan bursa niaga hadapan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Perdagangan dalam kod niaga

dilarang semasa penggantungan perdagangan atau penutupan bursa niaga hadapan.

13. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Akta ini, tiada seorang pun boleh—

(a) dalam tempoh perdagangan digantung sebagaimana yang diarahkan di bawah seksyen 8 atau 10, berdagang dalam pasaran niaga hadapan yang dinyatakan dalam arahan itu; atau

(b) dalam tempoh sesuatu bursa niaga hadapan ditutup sebagaimana yang diarahkan di bawah seksyen 9, menjalankan transaksi apa-apa perdagangan dalam kontrak niaga hadapan mengenai apa-apa suratcara yang dinyatakan dalam arahan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

14. (1) Jika perdagangan dalam apa-apa kontrak niaga hadapan digantung di bawah seksyen 8 atau 10 atau jika sesuatu bursa niaga hadapan ditutup di bawah seksyen 9 bagi transaksi apa-apa perdagangan dalam kontrak niaga hadapan, mana-mana pegawai Suruhanjaya yang diberikuasa secara bertulis atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh, dalam tempoh penggantungan atau penutupan itu, mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memastikan bahawa premis atau kemudahan bursa niaga hadapan yang diperuntukkan bagi transaksi perdagangan itu adalah berkunci dan tertutup rapat.

Halangan masuk ke dalam bursa niaga hadapan.

(2) Mana-mana orang yang, tanpa kebenaran seorang pegawai Suruhanjaya yang diberikuasa secara bertulis atau seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, memasuki mana-mana premis atau menggunakan kelengkapan yang berkunci dan tertutup rapat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

15. (1) Bilamana Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu darurat wujud, Suruhanjaya boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkannya perlu untuk mengekalkan atau memulihkan, perdagangan teratur di sesuatu bursa niaga hadapan atau pusat penjelasan, berhubungan dengan perdagangan dalam atau pelikuidasian, apa-apa kontrak niaga hadapan atau apa-apa kelas kontrak niaga hadapan.

Kuasa-kuasa darurat Suruhanjaya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa-kuasa di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh, dalam keadaan sedemikian, mengarahkan syarikat bursa atau

pusat penjelasan itu supaya melakukan mana-mana daripada, tetapi tidak terhad kepada, yang berikut:

- (a) menggantung perdagangan dalam mana-mana kontrak niaga hadapan atau mana-mana kelas kontrak niaga hadapan;
- (b) membataskan perdagangan kepada pelikuidasian kontrak-kontrak niaga hadapan;
- (c) memerintahkan pelikuidasian semua kedudukan atau sebahagian daripadanya atau pengurangan kedudukan-kedudukan sedemikian;
- (d) menghadkan perdagangan kepada suatu julat harga tertentu;
- (e) mengubahsuaikan hari atau waktu perdagangan;
- (f) mengubah syarat-syarat penyerahan atau penyelesaian;
- (g) menetapkan harga penyelesaian yang padanya kontrak-kontrak niaga hadapan hendaklah dilikuidasikan;
- (h) menghendaki mana-mana orang supaya bertindak mengikut sesuatu cara yang ditentukan berhubungan dengan perdagangan dalam kontrak-kontrak niaga hadapan atau mana-mana kelas kontrak niaga hadapan;
- (i) menghendaki margin tambahan bagi mana-mana kontrak niaga hadapan; atau
- (j) mengubahsuaikan atau menggantung mana-mana kaedah perniagaan bursa niaga hadapan atau pusat penjelasan itu,

dan syarikat bursa atau pusat penjelasan itu hendaklah mematuhi arahan itu.

(3) Jika arahan-arahan diberikan menurut subseksyen (2) dan syarikat bursa atau pusat penjelasan itu tidak mematuhi arahan-arahan itu, Suruhanjaya sendiri boleh mengambil tindakan untuk menentukan paras-paras

margin darurat dalam mana-mana kontrak niaga hadapan, atau kelas kontrak niaga hadapan, atau menetapkan had-had yang boleh terpakai bagi kedudukan-kedudukan pasaran yang diperoleh dengan suci hati sebelum tarikh mana-mana tindakan yang diambil di bawah subseksyen (1) atau mana-mana arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk mengekalkan atau memulihkan perdagangan teratur dalam, atau pelikuidasian, kontrak-kontrak niaga hadapan atau mana-mana kelas kontrak niaga hadapan.

(4) Dalam seksyen ini, "darurat" ertinya suatu keadaan atau berlakunya apa-apa kejadian yang mengancam pasaran niaga hadapan dan hendaklah termasuk—

- (a) manipulasi dan borong-simpan pasaran;
- (b) apa-apa perbuatan mana-mana orang yang menyentuh sesuatu suratcara;
- (c) apa-apa gangguan pasaran utama bagaimana jua pun disebabkan yang menghalang pasaran daripada mencerminkan dengan tepat daya penawaran dan daya permintaan bagi suratcara itu; dan
- (d) apa-apa situasi atau amalan pasaran tak diingini yang lain,

yang pada pendapat Suruhanjaya mungkin mengancam perdagangan teratur dalam pasaran niaga hadapan itu.

(5) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini boleh merayu kepada Menteri dan keputusannya adalah muktamad.

(6) Walau apa pun apa-apa rayuan di bawah subseksyen (5), apa-apa tindakan darurat yang diambil oleh Suruhanjaya hendaklah terus mempunyai kuatkuasa dan kesan sehingga masa Menteri membuat keputusan mengenai rayuan itu.

BAHAGIAN III

PELESENAN BROKER NIAGA HADAPAN,
PENASIHAT PERDAGANGAN NIAGA HADAPAN
DAN WAKIL-WAKIL

Broker maga
hadapan
hendaklah
dileSENkan.

16. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), tiada seorang pun, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, boleh—

(a) menjalankan perniagaan pembrokeran niaga hadapan; atau

(b) mengemukakan dirinya sebagai menjalankan perniagaan sedemikian,

melainkan jika dia dileSENkan sebagai seorang broker niaga hadapan di bawah Akta ini.

(2) Tiada perbadanan yang merupakan broker niaga hadapan boleh menjalankan perniagaan pembrokeran niaga hadapan melainkan jika tiap-tiap pengarah atau pekerja yang ditauliahkan kepada perbadanan itu dileSENkan sebagai wakil broker niaga hadapan di bawah Akta ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), seseorang pengarah atau pekerja sesuatu perbadanan hendaklah disifatkan ditauliahkan kepada perbadanan itu jika ia, atas sifatnya sebagai pengarah atau pekerja sedemikian, diberikuasa sewajarnya oleh perbadanan itu untuk bertindak untuk dan bagi pihak perbadanan itu bagi maksud perdagangan dalam kontrak niaga hadapan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Penasihat
perdagangan
niaga
hadapan
hendaklah
dileSENkan.

17. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), tiada seorang pun boleh—

(a) untuk mendapat saraan, menjalankan perniagaan menasihati mana-mana orang lain mengenai pembelian atau penjualan kontrak niaga hadapan;

- (b) untuk mendapat saraan, sebagai sebahagian daripada suatu perniagaan biasa, mengeluarkan atau menyebarkan analisa atau laporan mengenai pembelian atau penjualan kontrak niaga hadapan;
- (c) untuk mendapat saraan, menurut suatu kontrak atau perkiraan dengan seseorang pelanggan, mengusahakan bagi pihak pelanggan itu, pengurusan sesuatu portfolio suratcara atau kontrak niaga hadapan, termasuklah mengatur pembelian, penjualan, pertukaran atau penyimpanan suratcara-suratcara; atau
- (d) mengemukakan dirinya sebagai menjalankan perniagaan yang disebut dalam perenggan (a),

melainkan jika orang itu diiesenkan sebagai penasihat perdagangan niaga hadapan di bawah Akta ini.

(2) Perenggan (1)(a) tidaklah terpakai bagi pemberian nasihat mengenai pembelian atau penjualan kontrak niaga hadapan oleh seorang broker niaga hadapan kepada pelanggannya jika aktiviti itu adalah bersampingan dengan penjalanan perniagaannya sebagai seorang broker niaga hadapan.

(3) Perenggan (1)(a) dan (1)(b) tidaklah terpakai bagi tuan punya atau penerbit, atau penyumbang kepada, sesuatu penerbitan yang pada amnya boleh didapati oleh orang ramai selain daripada melalui langganan yang hanya dalam penerbitan itu menasihati orang-orang lain mengenai pembelian atau penjualan kontrak niaga hadapan, atau mengeluarkan atau menyebarkan analisa atau laporan mengenai pembelian dan penjualan kontrak niaga hadapan, yang bukan seorang tuan punya atau penerbit, atau penyumbang kepada, sesuatu penerbitan yang tujuan utamanya atau satu-satu tujuannya ialah untuk menasihati orang-orang lain mengenai pembelian atau penjualan kontrak niaga hadapan, atau untuk mengeluarkan atau menyebarkan analisa atau laporan mengenai pembelian dan penjualan kontrak niaga hadapan.

(4) Bagi maksud subseksyen (3) "penerbitan" ertinya sesuatu akhbar, majalah, jurnal, atau penerbitan berkata lain, yang *bona fide*.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Wakil broker niaga hadapan hendaklah dilesenkan.

18. (1) Tiada seorang pun boleh melaksanakan, bagi seseorang broker niaga hadapan, mana-mana fungsi seorang broker niaga hadapan mengikut pengertian seksyen 16, selain daripada kerja yang biasanya dilaksanakan oleh akauntan, kerani atau juruwang, untuk mendapatkan saraan dalam bentuk gaji, komisen atau selainnya melainkan jika orang itu dilesenkan sebagai seorang wakil broker niaga hadapan di bawah Akta ini berkenaan dengan broker niaga hadapan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Wakil penasihat perdagangan niaga hadapan hendaklah dilesenkan.

19. (1) Tiada seorang pun boleh melaksanakan, bagi seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan, mana-mana fungsi seorang penasihat perdagangan niaga hadapan mengikut pengertian seksyen 17, selain daripada kerja yang biasanya dilaksanakan oleh akauntan, kerani atau juruwang, untuk mendapatkan saraan dalam bentuk gaji, komisen atau selainnya melainkan jika orang itu dilesenkan sebagai seorang wakil penasihat perdagangan niaga hadapan di bawah Akta ini berkenaan dengan penasihat perdagangan niaga hadapan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

20. (1) Seksyen 16, 17, 18 dan 19 tidaklah terpakai bagi—
- (a) seseorang pegawai penerima atau pemegang amanah di bawah Akta Kebankrapan 1967;
- (b) seseorang penerima, penerima dan pengurus, atau pelikuidasi, yang dilantik oleh Mahkamah;
- (c) seseorang penerima, penerima dan pengurus, atau pelikuidasi, yang dilantik selain daripada oleh Mahkamah;
- (d) seseorang yang dilantik oleh Mahkamah; atau
- (e) seseorang pemegang amanah atau orang lain yang mentadbirkan sesuatu penyelesaian atau perkiraan di antara suatu pertubuhan perbadanan dengan mana-mana orang lain,

Orang-orang yang terkecuali daripada dilesenkan di bawah Akta ini. Akta 360.

yang, semasa menunaikan kewajipan-kewajipannya atas sifat itu menurut mana-mana undang-undang bertulis atau perintah mahkamah, berdagang dalam, atau selainnya berniaga, mana-mana kontrak niaga hadapan, sama ada sebagai broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan atau wakil broker niaga hadapan atau wakil penasihat perdagangan niaga hadapan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh disifatkan sebagai mengecualikan orang yang dinyatakan dalamnya daripada mematuhi peruntukan-peruntukan lain Akta ini berhubungan dengan kontrak niaga hadapan itu melainkan jika orang itu dikecualikan secara khusus melalui perintah Menteri daripada mematuhi peruntukan-peruntukan itu.

21. Menteri hendaklah melantik seorang pegawai awam untuk menjadi Pegawai Pelesen.

Pegawai Pelesen.

22. (1) Tertakluk kepada seksyen 23 dan 24, Pegawai Pelesen hendaklah, apabila permohonan dibuat kepadanya oleh mana-mana orang mengikut cara yang

Pelesenan orang-orang di bawah Bahagian ini.

ditetapkan dan apabila dibayar fee yang ditetapkan, melesenkan orang itu sebagai—

- (a) seorang broker niaga hadapan;
- (b) seorang penasihat perdagangan niaga hadapan;
- (c) seorang wakil broker niaga hadapan; atau
- (d) seorang wakil penasihat perdagangan niaga hadapan,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Sesuatu lesen yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) sah selama tempoh dua belas bulan bermula pada hari lesen itu diberikan; dan
- (b) tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Pegawai Pelesen.

(3) Sesuatu lesen yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan nama orang yang dibenarkan untuk menjalankan perniagaan sebagai broker niaga hadapan, penasihat perdagangan niaga hadapan, wakil broker niaga hadapan atau wakil penasihat perdagangan niaga hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Pemberian sesuatu lesen kepada seseorang tidaklah membenarkan orang itu menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama selain daripada nama yang dinyatakan dalam lesen itu.

Sekatan atas pemberian lesen.

23. (1) Sesuatu lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai broker niaga hadapan hanya boleh diberikan kepada sesuatu perbadanan.

(2) Sesuatu lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai penasihat perdagangan niaga hadapan boleh diberikan kepada seseorang individu atau sesuatu perbadanan.

(3) Sesuatu lesen untuk bertindak sebagai wakil broker niaga hadapan atau sebagai wakil penasihat perdagangan niaga hadapan hanya boleh diberikan kepada seseorang individu.

24. Pegawai Pelesen boleh enggan memberikan sesuatu lesen di bawah seksyen 22—

Keengganan untuk memberikan lesen.

(a) jika pemohon ialah seorang individu, atas alasan bahawa—

- (i) pemohon telah tidak memberi Pegawai Pelesen apa-apa maklumat yang berhubungan dengannya atau mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau yang bersekutu dengannya bagi maksud-maksud perniagaannya, dan apa-apa hal keadaan yang mungkin menyentuh cara dia menjalankan perniagaan, sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini;
- (ii) pemohon ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan atau telah melakukan suatu perbuatan kebangkrapan mengikut pengertian Akta Kebankrapan 1967 atau telah membuat suatu komposisi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya;
- (iii) ternyata kepada Pegawai Pelesen bahawa pemohon itu, atau mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau yang bersekutu dengannya bagi maksud-maksud perniagaannya, telah disabitkan, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, atas apa-apa kesalahan jenayah;
- (iv) pemohon tidak mempunyai sumber kewangan berkenaan dengan perniagaan yang baginya dia memohon supaya dilesenkan;
- (v) pemohon tidak mempunyai kelayakan atau pengalaman yang perlu dalam perdagangan niaga hadapan; atau
- (vi) pemohon tidak mematuhi mana-mana kehendak di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini berhubungan dengan permohonan untuk mendapatkan lesen;

- (b) jika pemohon ialah suatu perbadanan, atas alasan bahawa—
- (i) pemohon telah tidak memberi Pegawai Pelesen apa-apa maklumat yang berhubungan dengannya atau mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau yang bersekutu dengannya bagi maksud-maksud perniagaannya, dan apa-apa hal keadaan yang mungkin menyentuh cara ia menjalankan perniagaan, sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini;
 - (ii) pemohon telah pada bila-bila masa sebelum permohonan itu membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya;
 - (iii) pemohon tidak mempunyai sumber kewangan berkenaan dengan perniagaan yang baginya ia memohon supaya dilesenkan;
 - (iv) ternyata kepada Pegawai Pelesen bahawa mana-mana pengarah atau pekerja pemohon telah disabitkan, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, atas apa-apa kesalahan jenayah; atau
 - (v) pemohon tidak mematuhi mana-mana kehendak di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini berhubungan dengan permohonan untuk mendapatkan lesen.

Pembaharuan
lesen.

25. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), Pegawai Pelesen hendaklah, apabila permohonan dibuat kepadanya oleh seseorang orang berlesen mengikut cara yang ditetapkan tidak lewat daripada tiga puluh hari sebelum hari lesennya, jika tidak dibaharui, akan tamat tempoh dan apabila dibayar fee yang ditetapkan, membaharui lesen itu.

(2) Pegawai Pelesen boleh menghendaki seseorang pemohon di bawah subseksyen (1) supaya memberinya

apa-apa maklumat tambahan yang difikirkannya perlu untuk menguruskan permohonan itu.

(3) Pegawai Pelesen boleh enggan membaharui sesuatu lesen di bawah subseksyen (1)—

- (a) atas mana-mana alasan yang berdasarkannya Pegawai Pelesen boleh, di bawah seksyen 24, enggan memberikan lesen;
- (b) atas mana-mana alasan yang berdasarkannya Pegawai Pelesen boleh membatalkan sesuatu lesen di bawah seksyen 26 atau 28; atau
- (c) atas alasan bahawa orang itu telah tidak mematuhi subseksyen (1) atau mana-mana kehendak Pegawai Pelesen di bawah subseksyen (2).

(4) Sesuatu lesen yang dibaharui di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) sah selama tempoh dua belas bulan bermula pada hari lesen itu habis tempoh pada masa permohonan pembaharuan; dan
- (b) tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Pegawai Pelesen.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang sesuatu lesen yang telah dibaharui daripada dibaharui selanjutnya di bawah seksyen ini.

(6) Pegawai Pelesen tidak boleh enggan, di bawah subseksyen (3), membaharut lesen seseorang orang berlesen tanpa terlebih dahulu memberi orang itu peluang untuk didengar.

(7) Jika Pegawai Pelesen enggan, di bawah subseksyen (3), membaharui lesen seseorang orang berlesen, dia hendaklah memberitahu orang itu secara bertulis tentang keenggannya dengan menyebutkan sebab-sebab keengganan itu.

Pembatalaan
lesen.

26. (1) Sesuatu lesen hendaklah disifatkan dibatalkan—
- (a) jika orang berlesen itu ialah seorang individu, apabila individu itu mati atau terhenti daripada bersekutu dengan broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan yang berhubungan dengannya lesen itu telah diberikan; atau
 - (b) jika orang berlesen itu ialah suatu perbadanan, apabila perbadanan itu digulung.
- (2) Pegawai Pelesen boleh membatalkan sesuatu lesen—
- (a) yang diberikan kepada seseorang individu—
 - (i) atas mana-mana alasan yang berdasarkananya Pegawai Pelesen boleh enggan, di bawah perenggan 24(a), memberikan lesen;
 - (ii) jika suatu levi pelaksanaan dikenakan dengan dirinya belum dijelaskan;
 - (iii) jika dia gagal atau terhenti, selama tempoh berterusan tiga bulan, menjalankan perniagaan yang baginya dia telah dilesenkan;
 - (iv) jika, dalam hal seseorang wakil, lesen broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan yang berhubungan dengannya lesen itu telah diberikan adalah dibatalkan;
 - (v) jika orang berlesen itu melanggar atau tidak mematuhi kaedah-kaedah perniagaan atau apa-apa syarat atau sekatan yang terpakai berkenaan dengan lesen itu;
 - (b) yang diberikan kepada sesuatu perbadanan—
 - (i) atas mana-mana alasan yang berdasarkananya Pegawai Pelesen boleh enggan, di bawah perenggan 24(b), memberikan lesen;

- (ii) jika ia sedang atau telah digulung;
- (iii) jika suatu levi pelaksanaan berkenaan dengannya belum dijelaskan;
- (iv) jika ia telah membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya;
- (v) jika ia gagal atau terhenti, selama tempoh berterusan tiga bulan, menjalankan perniagaan yang baginya ia telah dilesenkan; atau
- (vi) jika orang berlesen itu melanggar atau tidak mematuhi kaedah-kaedah perniagaan atau mana-mana syarat atau sekatan yang terpakai berkenaan dengan lesen itu.

(3) Pegawai Pelesen tidak boleh membatalkan lesen seseorang orang berlesen di bawah subseksyen (2) tanpa terlebih dahulu memberi orang itu peluang untuk didengar.

(4) Jika Pegawai Pelesen membatalkan lesen seseorang orang berlesen di bawah subseksyen (2) dia hendaklah memberitahu orang itu secara bertulis tentang pembatalan itu dengan menyebutkan sebab-sebab pembatalan itu dan menyatakan tarikh pembatalan itu hendaklah mula berkuatkuasa.

27. (1) Seseorang orang berlesen boleh menyerahkan lesennya kepada Pegawai Pelesen dengan menghantarnya kepada Pegawai Pelesen dengan notis bertulis mengenai penyerahan itu. Penyerahan lesen.

(2) Penyerahan sesuatu lesen di bawah subseksyen (1) tidak akan mula berkuatkuasa melainkan jika Pegawai Pelesen berpuas hati bahawa perkiraan yang mencukupi telah dibuat untuk memenuhi segala liabiliti orang berlesen itu yang belum selesai pada masa penyerahan itu.

Kuasa-kuasa
Pegawai
Pelesen
dalam hal
salah laku,
dsb.

28. (1) Pegawai Pelesen boleh, pada bila-bila masa, menyiasat apa-apa pengataan bahawa seseorang orang berlesen—

- (a) melakukan atau pernah melakukan apa-apa salah laku; atau
- (b) bukan lagi orang yang layak dan patut terus dilesenkan oleh sebab apa-apa hal keadaan lain yang telah membawa, atau mungkin membawa, kepada penjalanan tak patut perniagaan olehnya atau yang mendatangkan nama buruk kepada cara penjalanan perniagaannya.

(2) Jika difikirkan patut oleh Pegawai Pelesen, selepas menyiasat sesuatu pengataan di bawah subseksyen (1) terhadap seseorang orang berlesen, dia boleh—

- (a) membatalkan lesen orang itu;
- (b) menggantung lesen orang itu selama apa-apa tempoh, atau sehingga berlaku apa-apa kejadian, sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen;
- (c) mencela orang itu atau, dalam hal orang berlesen yang merupakan suatu perbadanan, mencela mana-mana pengarah atau orang yang terlibat dalam pengurusannya; atau
- (d) mengenakan penalti yang tidak boleh melebihi lima puluh ribu ringgit ke atas orang berlesen itu.

(3) Pegawai Pelesen hendaklah, pada pendengaran sesuatu siasatan mengenai sesuatu pengataan di bawah subseksyen (1) terhadap seseorang orang berlesen, memberi orang itu peluang untuk didengar.

(4) Jika Pegawai Pelesen mengambil tindakan di bawah subseksyen (2), dia hendaklah memberitahu orang berlesen yang berkenaan, dan jika orang berlesen itu ditauliahkan kepada sesuatu perbadanan, perbadanan yang kepadanya dia ditauliahkan, dan syarikat bursa, secara bertulis tentang tindakan itu dengan menyatakan sebab-sebab baginya dan, dalam hal pembatalan atau penggantungan lesen, menyatakan tarikh pembatalan atau penggantungan itu hendaklah mula berkuatkuasa.

(5) Tanpa menjejaskan kuasa-kuasa Pegawai Pelesen di bawah subseksyen (1) dan (2), Pegawai Pelesen boleh mengarahkan syarikat bursa supaya menjalankan siasatan mengenai apa-apa pengatahan tentang salah laku seseorang orang berlesen.

(6) Bagi maksud subseksyen (5), syarikat bursa hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, dengan notis memberitahu Pegawai Pelesen tentang dapatan tiap-tiap siasatan yang dijalankannya di bawah seksyen ini tetapi apa-apa kelengahan atau kegagalan dalam memberitahu Pegawai Pelesen tidaklah mentaksahkan keesahan siasatan itu atau dapatan syarikat bursa itu.

(7) Bagi maksud seksyen ini, "salah laku" ertinya—

- (a) apa-apa tidak mematuhi kehendak-kehendak Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah perniagaan atau apa-apa arahan syarikat bursa berkenaan dengan orang-orang berlesen; atau
- (b) apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berhubungan dengan perjalanan perniagaan seseorang orang berlesen yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam.

29. (1) Pembatalan, penggantungan atau penyerahan lesen seseorang orang berlesen tidaklah berkuatkuasa sehingga ia—

- (a) mengelakkan atau menyentuh apa-apa perjanjian, transaksi atau perkiraan yang berhubungan dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan yang dibuat oleh orang itu sebelum pemberitahuan pembatalan, penggantungan atau penyerahan lesen itu; atau
- (b) menyentuh apa-apa hak, obligasi atau liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana perjanjian, transaksi atau perkiraan sedemikian.

(2) Seseorang yang lesennya dibatalkan di bawah seksyen 26, selain daripada subperenggan (2)(a)(iii) atau (2)(a)(iv) atau (2)(b)(i) atau (2)(b)(v) seksyen itu, atau digantung di bawah perenggan 28(2)(b) dan

Kesan pembatalan, penggantungan atau penyerahan lesen.

penggantungan itu belum ditarik balik sebelum lesennya tamat tempoh di bawah Akta ini, tidak boleh memohon supaya dilesenkan di bawah Bahagian ini sehinggalah tamat tempoh sekurang-kurangnya dua belas bulan dari tarikh pembatalan atau penggantungan itu.

Rayuan kepada Menteri terhadap keengganan memberikan lesen, dll.

30. Jika Pegawai Pelesen—

- (a) enggan memberikan lesen di bawah seksyen 24;
- (b) enggan membaharui sesuatu lesen di bawah seksyen 25;
- (c) membatalkan atau menggantung sesuatu lesen di bawah seksyen 26; atau
- (d) membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau mengenakan suatu penalti di bawah seksyen 28,

orang yang terkilan dengan keputusan Pegawai Pelesen boleh dalam masa tiga puluh hari selepas dia diberitahu tentang keputusan itu, merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Pernyataan palsu.

31. Seseorang yang, berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen atau untuk membaharui sesuatu lesen, membuat sesuatu pernyataan yang palsu atau mengelirukan mengenai sesuatu butir material atau tidak menyatakan apa-apa perkara atau benda yang tanpanya sesuatu permohonan itu adalah mengelirukan dari suatu segi yang material, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Maklumat yang hendaklah diberikan oleh orang berlesen.

32. (1) Tiap-tiap orang berlesen hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pegawai Pelesen tentang apa-apa perubahan yang, semasa lesennya masih berkuatkuasa, mungkin berlaku—

- (a) tentang alamat di Malaysia tempat dia menjalankan perniagaan sebagai orang berlesen;

- (b) tentang nama perniagaan atau nama perbadanan; atau
- (c) tentang apa-apa maklumat yang diberikan dalam atau berkaitan dengan permohonannya untuk mendapatkan lesen atau membaharui lesen,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tiap-tiap orang berlesen hendaklah dengan sertamerta, apabila terhenti menjalankan perniagaan yang baginya dia dilesenkan, memberitahu Pegawai Pelesen akan hakikat itu.

(3) Jika, pada bila-bila masa semasa sesuatu perbadanan dilesenkan sebagai broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan, mana-mana pengarah atau pekerja perbadanan itu ditauliahkan atau terhenti daripada ditauliahkan kepada perbadanan itu, maka perbadanan itu hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas kejadian itu, memberitahu Pegawai Pelesen akan nama dan alamat pengarah atau pekerja itu.

(4) Jika seseorang wakil broker niaga hadapan atau wakil penasihat perdagangan niaga hadapan menjadi atau terhenti menjadi wakil seseorang broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, wakil broker niaga hadapan atau wakil penasihat perdagangan niaga hadapan itu hendaklah dalam masa tujuh hari selepas kejadian itu memberitahu Pegawai Pelesen akan hakikat itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

33. (1) Pegawai Pelesen hendaklah menyimpan, dalam apa-apa bentuk yang difikirkannya patut, suatu daftar orang berlesen yang menyatakan—

Daftar
3rang
berlesen.

- (a) berhubungan dengan seseorang yang dilesenkan sebagai broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan—

- (i) namanya; dan

- (ii) alamat tempat utama perniagaannya dan mana-mana cawangan tempat dia menjalankan perniagaan yang berkenaan dengannya lesen itu diberikan;
- (b) berhubungan dengan seseorang yang dilesenkan sebagai wakil broker niaga hadapan atau wakil penasihat perdagangan niaga hadapan—
 - (i) namanya; dan
 - (ii) nama broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan yang berhubungan dengannya lesen itu diberikan.

(2) Pegawai Pelesen hendaklah mengeluarkan daripada Daftar tiap-tiap catatan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang terhenti daripada dilesenkan di bawah Bahagian ini.

(3) Mana-mana orang boleh, apabila dibayar fee yang ditetapkan, memeriksa dan mengambil cabutan daripada daftar yang disimpan di bawah subseksyen (1) dan mana-mana cabutan sedemikian yang berupa sebagai ditandatangani oleh Pegawai Pelesen boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang.

Penyiaran
nama dan
alamat.

34. (1) Pegawai Pelesen hendaklah menyebabkan supaya disiarkan dalam *Warta*, mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, nama dan alamat semua orang berlesen.

(2) Maklumat yang dikehendaki disiarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan sekurang-kurangnya sekali setiap tahun.

(3) Jika Pegawai Pelesen pada bila-bila masa meminda mana-mana daftar yang disimpan olehnya di bawah Bahagian ini, dia hendaklah menyebabkan supaya butir-butir mengenai pindaan itu disiarkan dalam *Warta*.

Bursa niaga
hadapan
hendaklah
memberikan;
bantuan
kepada
Pegawai
Pelesen.

35. (1) Sesuatu bursa niaga hadapan hendaklah memberi Pegawai Pelesen apa-apa bantuan yang semunasabahnya dikehendaki olehnya bagi pelaksanaan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya.

(2) Jika sesuatu bursa niaga hadapan mencela, mendenda, menggantung, memecat atau selainnya mengambil tindakan tatatertib terhadap seseorang orang berlesen, ia hendaklah dalam masa tujuh hari memberi Pegawai Pelesen secara bertulis butir-butir mengenai orang berlesen itu, sebab-sebab tindakan itu dan jenis tindakan yang diambil, amaun denda, jika ada, dan tempoh penggantungan, jika ada.

BAHAGIAN IV

AKAUN DAN AUDIT

36. (1) Seseorang broker niaga hadapan hendaklah—

- (a) menyebabkan supaya disimpan dan disenggarakan apa-apa rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang akan menghuraikan dengan secukupnya transaksi-transaksi dan mencerminkan kedudukan kewangan perniagaan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan yang dijalankan olehnya dan yang akan membolehkan akaun-akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang benar dan saksama disediakan dari semasa ke semasa; dan
- (b) menyebabkan supaya rekod-rekod itu disimpan dengan sedemikian cara untuk membolehkannya diaudit dengan mudah dan sepatutnya.

Akaun hendaklah disimpan oleh broker niaga hadapan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), seseorang broker niaga hadapan hendaklah menyebabkan supaya rekod-rekod disimpan dengan cukup terperinci—

- (a) untuk menunjukkan butir-butir—
- (i) segala amaun yang diterima dan dibayar oleh broker niaga hadapan itu, termasuklah amaun yang dibayar kepada dan dibayar daripada suatu akaun amanah terasing yang disimpan di bawah seksyen 52; dan
- (ii) segala pembelian dan penjualan kontrak niaga hadapan yang dibuat oleh broker niaga hadapan itu dan bayaran serta kredit yang berbangkit daripadanya; dan

- (b) untuk menunjukkan secara berasingan butir-butir mengenai segala transaksi oleh broker niaga hadapan itu dengan, atau bagi akaun—
 - (i) pelanggan broker niaga hadapan itu; dan
 - (ii) broker niaga hadapan itu sendiri.

(3) Seseorang broker niaga hadapan hendaklah mengekalkan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun—

- (a) rekod-rekod yang disimpan mengikut seksyen ini;
- (b) satu salinan bagi setiap kontrak niaga hadapan yang dibuat olehnya sebagai ejen seseorang pelanggan; dan
- (c) setiap kontrak niaga hadapan yang diterima olehnya atau dibuat untuk dirinya sendiri sebagai prinsipal.

(4) Rekod-rekod yang dikehendaki disimpan oleh seseorang broker niaga hadapan mengikut seksyen ini hendaklah disimpan sama ada dengan membuat catatan-catatan dalam suatu buku berjilid atau dengan merekodkan atau menyimpan perkara-perkara yang relevan mengikut apa-apa cara lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya, dan apa-apa jua yang dicatatkan, direkodkan atau disimpan sedemikian hendaklah disifatkan telah dilaksanakan oleh broker niaga hadapan itu atau dengan kuasanya.

(5) Seseorang broker niaga hadapan hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi rekod-rekod yang dikehendaki oleh seksyen ini supaya disimpan daripada dipalsukan, rosak atau hilang dan bagi memudahkan diketahui apa-apa pemalsuan.

(6) Mana-mana broker niaga hadapan yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(7) Jika, dalam mana-mana rekod yang disimpan mengikut seksyen ini, seseorang—

- (a) mencatatkan, merekodkan atau menyimpan, atau menyebabkan supaya dicatatkan, direkodkan atau disimpan, dengan apa-apa cara apa-apa perkara yang dia tahu adalah palsu -atau mengelirukan mengenai sesuatu butir material;
- (b) membinasakan, menghapuskan atau memalsukan, atau menyebabkan supaya dibinasakan, dihapuskan atau dipalsukan, dengan apa-apa cara apa-apa perkara yang dicatatkan, direkodkan atau disimpan; atau
- (c) tidak mencatatkan, merekodkan atau menyimpan apa-apa perkara dengan niat hendak memalsukan rekod-rekod atau mana-mana bahagian rekod-rekod yang hendak disusun daripada perkara itu,

dia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima-ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

37. (1) Seseorang broker niaga hadapan hendaklah melantik seorang juruaudit untuk mengaudit akaun-akaunnya termasuk semua akaun amanah terasing yang dikehendaki supaya disimpan oleh broker niaga hadapan itu di bawah seksyen 52, dan, jika kerana apa-apa sebab juruaudit itu terhenti bertindak bagi broker niaga hadapan itu, maka broker niaga hadapan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas itu, melantik seorang juruaudit lain untuk menggantikannya.

Broker niaga hadapan hendaklah melantik juruaudit.

(2) Seseorang broker niaga hadapan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, memberitahu Suruhanjaya akan perlantikan seseorang juruaudit di bawah subseksyen (1).

38. (1) Seseorang broker niaga hadapan hendaklah—

- (a) berkenaan dengan setiap tahun kewangan yang bermula sebelum dan berakhir selepas hari Akta ini mula berkuatkuasa atau hari broker niaga

Broker niaga hadapan hendaklah mengemukakan akaun tahunan. dll.

hadapan itu mula menjalankan perniagaan sebagai seorang broker niaga hadapan, mana-mana yang lebih kemudian; dan

- (b) berkenaan dengan setiap tahun kewangan berikutnya,

menyediakan suatu akaun untung rugi yang benar dan saksama dan suatu kunci kira-kira yang dibuat setakat hari terakhir tahun kewangan itu dan mengemukakan akaun dan kunci kira-kira itu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga bulan, atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2), selepas berakhirnya tahun kewangan itu, bersama-sama dengan laporan juruaudit mengenai akaun dan kunci kira-kira itu dan apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(2) Jika sesuatu permohonan untuk melanjutkan tempoh tiga bulan yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dibuat oleh seseorang broker niaga hadapan kepada Suruhanjaya dan Suruhanjaya berpuas hati bahawa ada sebab-sebab istimewa mengapa perlanjutan itu diperlukan, maka Suruhanjaya boleh melanjutkan tempoh itu dengan tempoh tambahan tidak melebihi tiga bulan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan oleh Suruhanjaya patut dikenakan.

(3) Mana-mana broker niaga hadapan yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya.

39. Jika, semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya sebagai juruaudit bagi seseorang broker niaga hadapan, seseorang juruaudit—

- (a) menyedari apa-apa perkara yang pada pendapatnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kedudukan kewangan broker niaga hadapan itu setakat yang material; atau

- (b) menemui keterangan tentang suatu pelanggaran terhadap seksyen 36 atau 52 oleh broker niaga hadapan itu,

maka dia hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, menghantar suatu laporan bertulis mengenai perkara pelanggaran itu kepada Suruhanjaya.

40. (1) Jika—

- (a) seseorang broker niaga hadapan tidak mengemukakan laporan tahunan teraudit, laporan juruaudit dan apa-apa dokumen lain yang dikehendaki di bawah seksyen 38; atau
- (b) Suruhanjaya menerima suatu laporan di bawah seksyen 39,

Kuasa Suruhanjaya untuk melantik juruaudit bebas.

Suruhanjaya boleh, jika berpuas hati bahawa adalah bagi kepentingan broker niaga hadapan itu, pelanggan-pelanggan broker niaga hadapan itu atau orang awam amnya Suruhanjaya berbuat demikian, melantik secara bertulis seorang juruaudit bebas untuk memeriksa dan mengaudit, sama ada pada amnya atau berhubungan dengan mana-mana perkara tertentu, buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod broker niaga hadapan itu.

(2) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa keseluruhan atau mana-mana bahagian kos dan perbelanjaan seseorang juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1) patut ditanggung oleh broker niaga hadapan itu, Suruhanjaya boleh, dengan perintah bertulis, mengarahkan broker niaga hadapan itu membayar suatu amaun tertentu, iaitu amaun bagi keseluruhan atau sebahagian daripada kos dan perbelanjaan itu, dalam masa dan mengikut cara yang dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Jika seseorang broker niaga hadapan tidak mematuhi sesuatu perintah di bawah subseksyen (2), amaun yang ditentukan dalam perintah itu boleh dituntut melalui guaman dan didapatkan oleh Suruhanjaya sebagai suatu hutang sivil.

(4) Seseorang juruaudit bebas yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah, apabila selesai pemeriksaan dan

pengauditan yang disebut dalam subseksyen (1), mengemukakan suatu laporan mengenainya kepada Suruhanjaya.

Kuasa juruaudit yang dilantik oleh Suruhanjaya.

41. (1) Seseorang juruaudit bebas yang dilantik di bawah seksyen 40 boleh, bagi maksud menjalankan pemeriksaan dan pengauditan di bawah seksyen itu—

- (a) memeriksa dengan bersumpah mana-mana pengarah, pekerja atau ejen broker niaga hadapan itu dan mana-mana juruaudit lain yang dilantik di bawah Akta ini berhubungan dengan buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod yang disebut dalam seksyen itu;
- (b) menghendaki mana-mana pengarah, pekerja atau ejen broker niaga hadapan itu supaya mengemukakan mana-mana buku, akaun dan rekod yang dipegang oleh atau bagi pihak broker niaga hadapan itu berhubungan dengan perniagaannya dan membuat salinan-salinan atau mengambil cabutan-cabutan daripada atau memegang milik buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod itu selama apa-apa tempoh yang perlu untuk membolehkannya diperiksa;
- (c) menghendaki seseorang juruaudit yang dilantik oleh broker niaga hadapan itu supaya mengemukakan mana-mana buku, akaun dan rekod yang dipegang olehnya berhubungan dengan perniagaan broker niaga hadapan itu;
- (d) menghendaki sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan supaya mengemukakan mana-mana buku, akaun dan rekod yang dipegang olehnya berhubungan dengan perniagaan broker niaga hadapan itu;
- (e) menghendaki sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan supaya memberikan apa-apa maklumat dalam miliknya yang berhubungan dengan perniagaan broker niaga hadapan itu;
- (f) mengambil kerja mana-mana orang yang difikirkannya perlu untuk membantunya

menjalankan pemeriksaan dan pengauditan itu; dan

- (g) melalui suratcara bertulis di bawah tandatangannya, memberikuasa mana-mana orang yang diambil kerja olehnya untuk melakukan, berhubungan dengan pemeriksaan dan pengauditan itu, apa-apa perbuatan atau perkara yang boleh dilakukan olehnya sendiri sebagai juruaudit bebas, kecuali pemeriksaan mana-mana orang dengan bersumpah, di bawah subseksyen ini.

(2) Mana-mana orang yang enggan atau tidak menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya, atau yang tidak mematuhi apa-apa permintaan yang dibuat kepadanya, oleh seseorang juruaudit bebas yang dilantik di bawah seksyen 40, atau seseorang yang diberikuasa di bawah perenggan (l)(g), adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan, tanpa sebab yang munasabah, tidak mematuhi apa-apa permintaan yang dibuat kepadanya oleh seseorang juruaudit bebas yang dilantik di bawah seksyen 40, atau seseorang yang diberikuasa di bawah perenggan 1(g), syarikat bursa atau pusat penjelasan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

42. Mana-mana orang yang—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan atau mengubah mana-mana buku, akaun atau rekod berhubungan dengan perniagaan seseorang broker niaga hadapan; atau
- (b) menghantar, atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk menghantar, ke luar Malaysia mana-mana buku, akaun atau rekod sedemikian, atau apa-apa jenis harta kepunyaan

Kesalahan jika membinasakan, mengubah, dll. rekod-rekod

atau yang dalam milik atau di bawah kawalan seseorang broker niaga hadapan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Sekatan ke atas hak juruaudit dan pekerja untuk mendedahkan perkara-perkara tertentu.

43. Kecuali sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini atau setakat yang dikehendaki bagi maksud-maksud mana-mana prosiding undang-undang, sama ada sivil atau jenayah, seseorang juruaudit bebas yang dilantik di bawah seksyen 40 dan mana-mana pekerja juruaudit itu tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang mungkin sampai kepada pengetahuannya semasa melaksanakan kewajipan-kewajipannya sebagai juruaudit atau pekerja itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana orang selain daripada—

- (a) Suruhanjaya; dan
- (b) dalam hal seseorang pekerja, juruaudit yang mengambil kerja pekerja itu.

Obligasi tambahan ke atas broker niaga hadapan

44. Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh menghalang Suruhanjaya atau syarikat bursa daripada mengenakan ke atas seseorang broker niaga hadapan apa-apa obligasi atau kehendak selanjutnya yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya atau syarikat bursa berkenaan dengan—

- (a) pengauditan akaun-akaun;
- (b) maklumat yang dikehendaki diberikan dalam laporan-laporan oleh juruaudit-juruaudit; atau
- (c) penyimpanan akaun-akaun, buku-buku dan rekod-rekod.

Penyenggaraan buku dan rekod dan pembenan akaun, dsb. oleh penasihat perdagangan niaga hadapan.

45. (1) Tiap-tiap penasihat perdagangan niaga hadapan hendaklah menyebabkan disimpan apa-apa buku dan rekod, dan memfailkan apa-apa laporan, mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(2) Tiap-tiap penasihat perdagangan niaga hadapan hendaklah membuat pendedahan yang penuh dan lengkap kepada pemohon-pemohon beli atau pelanggan-pelanggannya tentang segala kedudukan pasaran niaga hadapan yang diambil atau dipegang oleh penasihat perdagangan niaga hadapan itu bagi pihak mereka atau, jika suatu perbadanan, oleh mana-mana pengarah, pengurus atau pekerja perbadanan itu, sama ada secara langsung atau tak langsung.

(3) Pendedahan yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dan hendaklah termasuk maklumat lengkap tentang kedudukan semasa semua akaun perdagangan bagi pemohon-pemohon beli atau pelanggan-pelanggan itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau yang mengemukakan apa-apa maklumat di bawah subseksyen (2) yang palsu atau mengelirukan mengenai sesuatu butir material, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

46. Peruntukan-peruntukan Bahagian ini berhubungan dengan—

- (a) perlantikan seseorang juruaudit, sama ada oleh Suruhanjaya atau selainnya; dan
- (b) kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan seseorang juruaudit dan pemfailan laporan juruaudit,

Pemakaian peruntukan tertentu Bahagian ini bagi bursa niaga hadapan, dll.

hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi bursa niaga hadapan, pusat penjelasan atau penasihat perdagangan niaga hadapan sebagaimana ia terpakai bagi broker niaga hadapan.

47. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 atau apa-apa jua yang terkandung dalam Bahagian ini, Suruhanjaya boleh—

- (a) melantik sendiri seseorang juruaudit di bawah Bahagian ini; dan

Kuasa-kuasa tambahan Suruhanjaya berkenaan dengan juruaudit.

- (b) mengenakan segala atau mana-mana kewajipan yang berikut ke atas seseorang juruaudit sesuatu syarikat bursa, sesuatu pusat penjelasan atau seseorang broker niaga hadapan atau seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan:
- (i) kewajipan untuk mengemukakan apa-apa maklumat tambahan berhubungan dengan pengauditannya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya;
 - (ii) kewajipan memperbesar atau memperluas skop pengauditannya tentang perniagaan dan hal-ehwal sesuatu syarikat bursa, sesuatu pusat penjelasan, seseorang broker niaga hadapan atau seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan;
 - (iii) kewajipan untuk menjalankan apa-apa pemeriksaan lain atau menetapkan apa-apa prosedur dalam mana-mana hal tertentu; dan
 - (iv) kewajipan untuk mengemukakan laporan mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam subperenggan (ii) dan (iii),

dan sesuatu syarikat bursa, sesuatu pusat penjelasan, seseorang broker niaga hadapan atau seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberi juruaudit itu saraan berkenaan dengan penunaian segala atau mana-mana kewajipan tambahan itu.

(2) Jika seseorang juruaudit semasa melaksanakan kewajipan-kewajipannya sebagai juruaudit sesuatu syarikat bursa, sesuatu pusat penjelasan, seseorang broker niaga hadapan, atau seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, berpuas hati bahawa—

- (a) terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan Akta ini, atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau suatu kesalahan jenayah telah selainnya dilakukan;

- (b) ketakteraturan telah berlaku dalam penjalanan perniagaan yang berhubungan dengan kontrak atau transaksi niaga hadapan, termasuk ketakteraturan yang membahayakan wang, sekuriti atau harta pelanggan-pelanggan; atau
- (c) dia tidak dapat mengesahkan sama ada tuntutan-tuntutan pemiutang-pemiutang masih diliputi oleh aset-aset,

dia hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada Suruhanjaya.

(3) Seseorang juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada seseorang juruaudit di bawah seksyen 41.

(4) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa keseluruhan atau mana-mana bahagian kos dan perbelanjaan mana-mana juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini patut ditanggung oleh sesuatu syarikat bursa, sesuatu pusat penjelasan, seseorang broker niaga hadapan, atau seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Suruhanjaya boleh melalui perintah mengarahkan pihak itu membayar suatu amaun tertentu, iaitu amaun bagi keseluruhan atau sebahagian daripada kos dan perbelanjaan itu, dalam masa dan mengikut cara yang dinyatakan dalam perintah itu.

48. (1) Seseorang juruaudit tidaklah, jika tiada niat jahat pada pihaknya, bertanggung atas apa-apa tindakan bagi fitnah dalam guaman yang dibawa oleh mana-mana orang berkenaan dengan—

- (a) apa-apa pernyataan yang dibuat secara lisan atau secara bertulis dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya; atau
- (b) pengemukaan sesuatu laporan kepada Suruhanjaya di bawah seksyen 39 atau 47.

(2) Seksyen ini tidak menyekat atau menyentuh apa-apa hak, keistimewaan atau kekebalan yang ada pada juruaudit, selain daripada seksyen ini, sebagai defendan dalam sesuatu tindakan bagi fitnah.

BAHAGIAN V

AMALAN PERDAGANGAN

Pengeluaran
nota-nota
kontrak.

49. (1) Seseorang broker niaga hadapan hendaklah, berkenaan dengan tiap-tiap transaksi pembelian, penjualan atau pertukaran sesuatu kontrak niaga hadapan yang dibuat olehnya, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, mengeluarkan suatu nota kontrak yang mematuhi subseksyen (2) tidak lewat daripada akhir hari perdagangan yang berikutnya selepas tarikh penyempurnaan dan hendaklah—

- (a) jika transaksi itu dibuat olehnya sebagai ejen, menyerahkan nota kontrak itu kepada pelanggannya tidak lewat daripada lima hari selepas tarikh itu; atau
- (b) jika transaksi itu dibuat olehnya sebagai prinsipal, memegang-simpan nota kontrak itu untuk dirinya sendiri.

(2) Sesuatu nota kontrak yang dibuat oleh seseorang broker niaga hadapan di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk, di mana-mana terpakai—

- (a) nama dan alamat pelanggan di bawah perenggan (1)(a) yang kepadanya broker niaga hadapan itu dikehendaki memberikan nota kontrak itu;
- (b) nama atau gelaran yang di bawahnya broker niaga hadapan itu menjalankan perniagaannya sebagai broker niaga hadapan dan alamat tempat utama dia menjalankan perniagaan itu;
- (c) jika broker niaga hadapan itu bertindak sebagai prinsipal, suatu pernyataan bahawa dia bertindak sedemikian;
- (d) nama bursa niaga hadapan di mana kontrak itu telah disempurnakan;
- (e) jika kontrak itu telah disempurnakan oleh seorang ejen, nama ejen itu;
- (f) tarikh kontrak itu disempurnakan dan tarikh nota kontrak itu dibuat;

- (g) sama ada kontrak itu kontrak baru atau suatu kontrak penyelesaian;
- (h) sama ada kontrak itu adalah dengan cara—
 - (i) pembelian;
 - (ii) penjualan; atau
 - (iii) pertukaran;
- (i) nama suratcara yang dibeli, dijual atau ditukar;
- (j) unit perdagangan suratcara itu;
- (k) kecuali dalam hal kontrak secara pertukaran, harga seunit perdagangan;
- (l) bilangan unit perdagangan;
- (m) tarikh kontrak niaga hadapan dikehendaki dilaksanakan; dan
- (n) kadar atau amaun komisen yang kena dibayar berkenaan dengan kontrak itu.

50. (1) Seseorang broker niaga hadapan tidak boleh, sebagai prinsipal, berdagang dalam kontrak niaga hadapan dengan seseorang yang bukan seorang broker niaga hadapan melainkan jika dia terlebih dahulu memberitahu orang yang dengannya dia berdagang itu bahawa dia bertindak dalam transaksi itu sebagai prinsipal dan bukan sebagai ejen.

Berdagang sebagai prinsipal.

(2) Sebutan dalam seksyen ini mengenai seseorang broker niaga hadapan yang berdagang atau membuat sesuatu transaksi sebagai prinsipal termasuklah sebutan—

- (a) mengenai seseorang yang berdagang atau membuat sesuatu transaksi bagi pihak seseorang yang bersekutu dengannya;
- (b) mengenai seseorang yang berdagang dalam kontrak niaga hadapan bagi pihak sesuatu perbadanan yang dalamnya dia mempunyai kepentingan pengawal; atau
- (c) mengenai seseorang yang menjalankan perniagaan sebagai seorang broker niaga

hadapan bagi pihak sesuatu perbadanan yang dalamnya kepentingannya dan kepentingan pengarah-pengarahnya bersesama menjadi kepentingan pengawal.

(3) Seseorang broker niaga hadapan yang, sebagai prinsipal, membuat sesuatu transaksi penjualan atau pembelian kontrak niaga hadapan dengan seseorang yang bukan seorang broker niaga hadapan hendaklah menyatakan dalam nota kontrak itu bahawa dia bertindak dalam transaksi itu sebagai prinsipal dan bukan sebagai ejen.

(4) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi sesuatu transaksi yang dibuat oleh seseorang broker niaga hadapan yang, bagi pihak seseorang pelanggan, telah membuat suatu transaksi atau siri transaksi sebagai prinsipal dan pelanggan itu telah bersetuju untuk membeli kontrak niaga hadapan itu daripada broker niaga hadapan itu dan untuk membayar fee pembrokeran, komisen atau fee lain berkenaan dengan transaksi itu kepada broker niaga hadapan itu.

(5) Jika seseorang broker niaga hadapan tidak mematuhi subseksyen (1) dan (3) berkenaan dengan sesuatu kontrak bagi penjualan kontrak niaga hadapan olehnya, pembeli kontrak niaga hadapan itu boleh, jika dia belum melupuskannya, membatalkan kontrak itu melalui notis pembatalan bertulis yang diberikan kepada broker niaga hadapan itu tidak lewat daripada empat belas hari selepas penerimaan nota kontrak itu, dan jika seseorang broker niaga hadapan tidak mematuhi subseksyen (1) dan (3) berkenaan dengan sesuatu kontrak bagi pembelian kontrak niaga hadapan olehnya, penjual kontrak niaga hadapan itu boleh, mengikut cara yang sama, membatalkan kontrak itu.

(6) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (5) menyentuh apa-apa hak yang dipunyai oleh seseorang selain daripada melalui subseksyen itu.

51. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiap-tiap broker niaga hadapan hendaklah—

Broker niaga hadapan hendaklah membekalkan maklumat tertentu, dll. kepada pelanggan.

- (a) apabila diminta supaya berbuat demikian oleh pelanggannya, membekali pelanggan itu dengan salinan apa-apa nota kontrak berhubungan dengan perdagangan itu, dan satu salinan akaun pelanggan itu dengan broker niaga hadapan itu; dan
- (b) jika Suruhanjaya atas permohonan pelanggan itu, mengarahkan sedemikian, menyediakan untuk diperiksa oleh pelanggan itu, pada setiap masa yang munasabah semasa dalam waktu perniagaan biasa broker niaga hadapan itu, salinan broker niaga hadapan itu bagi nota kontrak dan akaun pelanggan itu dengan broker niaga hadapan itu.

(2) Subseksyen (1) tidaklah menghendaki seseorang broker niaga hadapan supaya memberikan, atau menyediakan untuk diperiksa, satu salinan apa-apa nota kontrak yang berhubungan dengan urusanniaga yang dijalankan transaksinya atau mana-mana akaun yang berhubungan dengan urusanniaga yang dijalankan transaksinya lebih daripada lima tahun sebelum tarikh permintaan.

52. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, tiap-tiap broker niaga hadapan hendaklah—

Pengasingan wang pelanggan, dll. oleh broker niaga hadapan.

- (a) memperlakukan dan menguruskan apa-apa wang, sekuriti atau dokumen hakmilik yang berhubungan dengan mana-mana harta yang diterima olehnya daripada seseorang pelanggan sebagai memarginkan, menjamin atau memastikan sesuatu kontrak dalam perdagangan niaga hadapan, atau yang terakru kepada seseorang pelanggan akibat daripada perdagangan sedemikian, sebagai kepunyaan pelanggan itu; dan
- (b) mengakaunkan dalam suatu akaun amanah berasingan, yang dinamakan atau ditunjukkan sebagai yang sedemikian, bagi apa-apa wang, sekuriti atau dokumen hakmilik yang ber-

hubungan dengan mana-mana harta yang diterima daripada pelanggan itu atau yang terakru kepada pelanggan itu menurut perenggan (a),

dan tidaklah boleh membaurkan wang, sekuriti atau harta itu dengan wang broker niaga hadapan itu atau menggunakannya untuk memarginkan, menjamin atau memastikan kontrak-kontrak niaga hadapan itu atau melanjutkan kredit mana-mana pelanggan atau orang selain daripada orang yang baginya ia dipegang.

(2) Apa-apa wang, sekuriti atau dokumen hakmilik berhubungan dengan mana-mana harta yang dikemukakan sebagai kolateral yang diterima oleh seseorang broker niaga hadapan hendaklah dengan sertamerta didepositkan dengan mana-mana institusi yang dibenarkan oleh Suruhanjaya atau dengan sesuatu bank berlesen.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), apa-apa wang, sekuriti atau dokumen hakmilik yang berhubungan dengan mana-mana harta yang dikemukakan sebagai kolateral, yang diterima oleh seseorang broker niaga hadapan daripada seseorang pelanggan boleh, bagi kemudahan dan bagi faedah pelanggan-pelanggannya, dibaurkan dan didepositkan dalam akaun atau akaun-akaun yang sama dengan mana-mana institusi yang dibenarkan oleh Suruhanjaya atau dengan sesuatu bank berlesen.

(4) Tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, seseorang broker niaga hadapan tidak boleh mengambil keluar mana-mana wang, sekuriti atau dokumen hakmilik yang diterima olehnya dan didepositkan dalam akaun amanah seseorang pelanggan menurut subseksyen (1) selain daripada bagi maksud—

- (a) membuat pembayaran kepada, atau mengikut arahan-arahan, pelanggan yang berhak kepada wang itu;
- (b) membeli, memarginkan, menjamin, memastikan, memindahkan, melaraskan atau menyelesaikan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan yang dibuat oleh broker niaga hadapan itu atas arahan-arahan pelanggan itu;

- (c) membayar fee pembrokeran dan caj-caj sepatutnya yang lain yang ditanggung berkenaan dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan yang dibuat oleh broker niaga hadapan itu atas arahan-arahan pelanggan itu;
- (d) membayar ganti kepada dirinya sendiri setakat apa-apa kepentingan kewangan baki yang mungkin dipunyainya dalam akaun itu sebagaimana yang tersebut dalam subseksyen (5);
- (e) melaburkan wang itu mengikut apa-apa cara yang ditetapkan; atau
- (f) membuat sesuatu pembayaran yang selainnya dibenarkan oleh undang-undang.

(5) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang broker niaga hadapan boleh mempunyai kepentingan kewangan baki dalam akaun amanah seseorang pelanggan dan dari semasa ke semasa boleh mendahulukan daripada wangnya sendiri wang yang mencukupi untuk menghalang mana-mana atau semua akaun amanah pelanggan menjadi terkurang margin.

(6) Apa-apa wang, sekuriti atau dokumen hakmilik berhubungan dengan mana-mana harta yang diterima daripada seseorang pelanggan dan dipegang oleh seseorang broker niaga hadapan dalam suatu akaun amanah berasingan di bawah subseksyen (1) tidak boleh digunakan bagi membayar hutang broker niaga hadapan itu kepada seseorang pemiutang broker niaga hadapan itu atau dikenakan penahanan atau diambil dalam pelaksanaan di bawah perintah atau proses mana-mana mahkamah atas kehendak pemiutang itu melainkan jika pemiutang itu ialah seorang pelanggan broker niaga hadapan itu dan hutang yang terhutang kepada pemiutang itu telah ditanggung berkaitan dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan.

(7) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyingkirkan atau menyentuh sesuatu tuntutan atau lien yang sah di sisi undang-undang yang dipunyai oleh seseorang broker niaga hadapan terhadap, atau atas, apa-apa wang, sekuriti atau dokumen hakmilik yang

berhubungan dengan mana-mana harta yang dipegang dalam suatu akaun di bawah subseksyen (1).

(8) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis boleh menghalang sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan, dengan kelulusan Suruhanjaya secara bertulis, daripada menggunakan apa-apa wang, sekuriti atau dokumen hakmilik yang berhubungan dengan mana-mana harta dalam suatu akaun amanah untuk memenuhi obligasi-obligasi seseorang broker niaga hadapan yang mungkir jika—

(a) kemungkiran broker niaga hadapan itu adalah berkaitan secara langsung dengan kegagalan pelanggannya untuk memenuhi obligasi-obligasi pelanggan itu di bawah sesuatu kontrak niaga hadapan; dan

(b) kegagalan menggunakan wang, sekuriti atau dokumen hakmilik yang berhubungan dengan mana-mana harta dalam suatu akaun amanah mungkin membahayakan keutuhan kewangan syarikat bursa atau pusat penjelasan itu.

(9) Dalam seksyen ini, "pelanggan" ertinya seseorang yang bagi akaunnya seseorang broker niaga hadapan menjalankan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan tetapi tidak termasuk pengarah, pekerja dan wakil dan perbadanan-perbadanan berkaitan broker niaga hadapan itu.

Pendedahan risiko oleh broker niaga hadapan dan penasihat perdagangan niaga hadapan.

53. (1) Tiada broker niaga hadapan boleh membuka suatu akaun kontrak niaga hadapan bagi seseorang pelanggan melainkan jika dia memberi pelanggan itu suatu dokumen pendedahan risiko bertulis berasingan yang hendaklah mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya, dan menerima daripada pelanggan itu suatu akuterimaan yang ditandatangani dan ditarik oleh pelanggan itu bahawa dia telah menerima dan memahami sifat dan kandungan dokumen pendedahan risiko itu.

(2) Tiada penasihat perdagangan niaga hadapan boleh cuba mendapatkan atau membuat sesuatu perjanjian

dengan seseorang bakal pelanggan bagi maksud menguruskan akaun perdagangan niaga hadapannya atau memberikan panduan bagi perdagangan niaga hadapan pelanggan itu melalui cara suatu rancangan sistematik yang mengesyorkan transaksi-transaksi tertentu melainkan jika penasihat perdagangan niaga hadapan itu, pada atau sebelum masa dia melibatkan diri dalam cubaan mendapatkan atau dalam membuat perjanjian itu, mengikut mana-mana yang lebih dahulu, menyerahkan kepada bakal pelanggan itu suatu dokumen pendedahan risiko berkenaan dengan maksud-maksud itu, yang hendaklah mengikut apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dan menerima daripada bakal pelanggan itu suatu akuterimaan yang ditandatangani dan ditarikhkan olehnya bahawa dia telah menerima dan memahami sifat dan kandungan dokumen pendedahan risiko itu.

(3) Jika seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan membuat suatu perjanjian dengan seseorang bakal pelanggan bagi maksud menguruskan akaun perdagangan niaga hadapannya menurut subseksyen (2), maka peruntukan-peruntukan seksyen 50 dan 51 hendaklah terpakai bagi penasihat perdagangan niaga hadapan itu seolah-olah sebutan dalam seksyen-seksyen itu mengenai broker niaga hadapan ialah sebutan mengenai penasihat perdagangan niaga hadapan.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, tiada penasihat perdagangan niaga hadapan boleh cuba mendapatkan, menerima atau memperolehi daripada pelanggan yang sedia ada atau bakal pelanggan apa-apa wang, sekuriti atau dokumen hakmilik yang berhubungan dengan mana-mana harta atas nama penasihat perdagangari niaga hadapan itu untuk membeli, memarginkan, menjamin atau memastikan apa-apa kepentingan pelanggan itu dalam sesuatu kontrak niaga hadapan.

(5) Subseksyen (4) tidaklah terpakai bagi broker niaga hadapan yang menjalankan perniagaan penasihat perdagangan niaga hadapan.

Broker niaga hadapan hendaklah memberikan keutamaan kepada pesanan petangan.

54. (1) Seseorang broker niaga hadapan tidak boleh, kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh subseksyen (2), membuat, sebagai prinsipal atau bagi pihak seseorang orang bersekutu, sesuatu transaksi pembelian atau penjualan kontrak niaga hadapan yang dibenarkan diperdagangkan di pasaran niaga hadapan jika seseorang pelanggan broker niaga hadapan itu yang tidak bersekutu dengan broker niaga hadapan itu telah mengarahkan broker niaga hadapan itu supaya membeli atau menjual, masing-masingnya, kontrak niaga hadapan yang sama kelasnya dan broker niaga hadapan itu belum lagi mematuhi arahan itu.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai berhubungan dengan pembuatan sesuatu transaksi oleh seseorang broker niaga hadapan sebagai prinsipal atau bagi pihak seseorang orang bersekutu jika—

- (a) arahan-arahan daripada pelanggan broker niaga hadapan itu menghendaki pembelian atau penjualan kontrak niaga hadapan bagi pihak pelanggan itu dilaksanakan hanya atas syarat-syarat tertentu yang berhubungan dengan harga yang padanya kontrak niaga hadapan itu hendaklah dibeli atau dijual dan broker niaga hadapan itu telah tidak dapat membeli atau menjual kontrak niaga hadapan itu oleh sebab syarat-syarat itu; atau
- (b) transaksi itu dibuat dalam hal keadaan yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah perniagaan.

(3) Dalam seksyen ini, "orang bersekutu" ertinya seseorang pengarah, pekerja atau wakil broker niaga hadapan itu dan termasuklah mana-mana perbadanan yang dalamnya broker niaga hadapan itu mempunyai kepentingan dalam lebih daripada lima puluh peratus syer perbadanan itu atau mempunyai kuasa untuk melantik atau menyebabkan dilantik majoriti pengarah perbadanan itu atau mempunyai kuasa untuk membuat atau menyebabkan dibuat keputusan berkenaan dengan perniagaan atau pentadbiran perbadanan itu.

55. (1) Bagi maksud mengurangkan, menghapuskan atau mencegah spekulasi berlebih-lebihan dalam mana-mana kontrak niaga hadapan atau mana-mana kelas kontrak niaga hadapan, Suruhanjaya atau sesuatu syarikat bursa dengan kelulusan Suruhanjaya boleh, dengan notis bertulis, dari semasa ke semasa mewujudkan, menetapkan atau mengubah apa-apa had yang difikirkannya perlu bagi amaun perdagangan yang boleh dilakukan atau kedudukan yang boleh dipegang oleh mana-mana orang di bawah sesuatu kontrak niaga hadapan di sesuatu pasaran niaga hadapan atau tertakluk kepada kaedah-kaedah perniagaan pasaran niaga hadapan itu.

Penetapan kedudukan dan had perdagangan dalam kontrak niaga hadapan.

(2) Dalam menentukan sama ada seseorang telah melebihi had yang disebut dalam subseksyen (1), kedudukan yang dipegang dan perdagangan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang secara langsung atau tak langsung dikuasai oleh orang itu hendaklah diambil kira bersekali dengan kedudukan yang dipegang dan perdagangan yang dilakukan oleh orang itu.

(3) Had yang disebutkan dalam subseksyen (1) bagi kedudukan dan perdagangan hendaklah terpakai bagi kedudukan yang dipegang, dan perdagangan yang dilakukan, oleh dua orang atau lebih yang bertindak mengikut suatu perjanjian atau persefahaman yang nyata atau tersirat seolah-olah kedudukan itu adalah dipegang, atau perdagangan itu dilakukan, oleh orang tunggal.

(4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi transaksi atau kedudukan yang adalah transaksi atau kedudukan perlindungan nilai *bona fide* sebagaimana yang ditakrifkan oleh sesuatu pasaran niaga hadapan mengikut apa-apa peraturan yang ditetapkan.

(5) Tiada seorang pun boleh secara langsung atau tak langsung—

(a) membeli atau menjual, atau bersetuju untuk membeli atau menjual, sesuatu kontrak niaga hadapan di, atau tertakluk kepada kaedah-kaedah perniagaan, sesuatu pasaran niaga hadapan yang baginya kaedah-kaedah itu terpakai, atau apa-apa bilangan kontrak niaga hadapan itu yang

melebihi had perdagangan yang ditetapkan bagi satu hari perniagaan, atau tempoh yang dinyatakan yang lain yang ditentukan oleh syarikat bursa di bawah seksyen ini; atau

- (b) memegang atau mengawal suatu kedudukan jangka naik bersih atau jangka turun bersih di bawah sesuatu kontrak niaga hadapan di, atau tertakluk kepada kaedah-kaedah perniagaan, pasaran kontrak niaga hadapan itu yang melebihi apa-apa had kedudukan yang ditetapkan oleh sesuatu syarikat bursa di bawah seksyen ini berkenaan dengan kontrak niaga hadapan itu.

(6) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang sesuatu syarikat bursa daripada menetapkan had perdagangan atau kedudukan yang berlainan bagi kontrak niaga hadapan yang berlainan, bulan penyerahan yang berlainan atau hari berlainan yang tinggal sehingga hari terakhir perdagangan dalam sesuatu kontrak bagi maksud subseksyen (5).

Perihal tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Bahagian ini

56. Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Bahagian ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

TABUNG KESETIAAN

Tafsiran.

57. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"jawatankuasa" ertinya jawatankuasa tabung kesetiaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 59;

"tabung kesetiaan" ertinya suatu tabung kesetiaan niaga hadapan yang ditubuhkan di bawah seksyen 58.

Penubuhan tabung kesetiaan.

58. (1) Sesuatu syarikat bursa hendaklah menubuhkan dan menyenggara suatu tabung kesetiaan yang hendaklah ditadbirkan oleh suatu jawatankuasa bagi pihak syarikat bursa itu.

(2) Aset-aset tabung kesetiaan hendaklah menjadi harta syarikat bursa tetapi hendaklah disimpan berasingan daripada segala harta lain syarikat bursa itu dan hendaklah dipegang sebagai amanah bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Bahagian ini.

59. (1) Suatu jawatankuasa yang hendaklah dikenali sebagai jawatankuasa tabung kesetiaan hendaklah ditubuhkan dan hendaklah terdiri daripada anggota-anggota Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Menteri di bawah perenggan 5(2)(c), selain daripada Pengerusi Eksekutif, dan tiga orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh syarikat bursa atas apa-apa terma dan syarat, termasuklah saraan dan elaun-elaun lain yang hendaklah dinyatakan dalam surat perlantikan.

Jawatankuasa
tabung
kesetiaan.

(2) Jawatankuasa hendaklah bertanggungjawab kepada syarikat bursa dan hendaklah menjalankan bagi pihak syarikat bursa mana-mana kuasa, kewajipan dan fungsi syarikat bursa yang diwakilkan kepada jawatankuasa itu oleh syarikat bursa itu.

(3) Tertakluk kepada apa-apa arahan syarikat bursa, jawatankuasa boleh mengawalselia prosedurnya mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

(4) Syarikat bursa boleh pada bila-bila masa memecat mana-mana anggota jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen ini dan boleh mengisi apa-apa kekosongan bagaimana jua pun kekosongan itu berbangkit.

60. Tabung kesetiaan sesuatu syarikat bursa hendaklah terdiri daripada—

Wang yang
menjadi
tabung
kesetiaan.

- (a) semua wang yang dibayar kepada syarikat bursa itu oleh broker niaga hadapan mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini;
- (b) bunga dan keuntungan yang dari semasa ke semasa terakru daripada pelaburan tabung kesetiaan;
- (c) semua wang yang dibayar kepada tabung kesetiaan oleh syarikat bursa itu;

- (d) semua wang yang didapatkan oleh atau bagi pihak syarikat bursa itu dalam menjalankan apa-apa hak tindakan yang diberikan oleh Bahagian ini;
- (e) semua wang yang dibayar oleh seseorang penanggung insurans menurut sesuatu kontrak insurans atau tanggung rugi yang dibuat oleh syarikat bursa di bawah seksyen 77; dan
- (f) semua wang lain yang dibayar dengan sah ke dalam tabung kesetiaan termasuk derma dan legasi.

Tabung kesetiaan hendaklah disimpan dalam akaun berasingan.

61. Semua wang yang menjadi sebahagian daripada tabung kesetiaan sesuatu syarikat hendaklah, sementara menunggu penggunaannya mengikut Bahagian ini, dibayar atau dipindahkan oleh syarikat bursa itu ke dalam suatu akaun amanah berasingan yang hendaklah dibuka dengan satu bank berlesen atau lebih.

Pembayaran daripada tabung kesetiaan.

62. Tertakluk kepada Bahagian ini, maka hendaklah dibayar dari semasa ke semasa daripada tabung kesetiaan sesuatu syarikat bursa sebagaimana yang dikehendaki dan mengikut apa-apa susunan sebagaimana yang difikirkan patut oleh syarikat bursa itu—

- (a) amaun segala tuntutan, termasuk kos, yang kena dibayar daripada tabung kesetiaan itu di bawah Bahagian ini;
- (b) semua perbelanjaan undang-undang dan perbelanjaan lain yang dilakukan dalam menyiasat atau membela tuntutan-tuntutan yang dibuat di bawah Bahagian ini atau dilakukan berhubungan dengan tabung kesetiaan atau dalam perjalanan, oleh jawatankuasa, hak-hak, kuasa-kuasa dan kewenangan yang terletak pada jawatankuasa itu oleh Bahagian ini berhubungan dengan tabung kesetiaan itu;
- (c) segala premium yang kena dibayar berkenaan dengan kontrak-kontrak insurans atau tanggung rugi yang dibuat oleh syarikat bursa itu di bawah seksyen 77;

- (d) perbelanjaan yang dilakukan atau yang terlibat dalam pentadbiran tabung kesetiaan, termasuk saraan bagi anggota-anggota jawatankuasa; dan
- (e) semua wang lain yang kena dibayar daripada tabung kesetiaan mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

63. (1) Sesuatu syarikat bursa hendaklah menyimpan dan menyenggarakan akaun-akaun yang patut bagi tabung kesetiannya dan hendaklah, sebelum tiga puluh haribulan Jun setiap tahun, menyebabkan akaun untung rugi dan suatu kunci kira-kira berkenaan dengan akaun-akaun itu dibuat setakat tiga puluh satu haribulan Disember yang sebelumnya.

Akaun-akaun tabung kesetiaan.

(2) Sesuatu syarikat bursa hendaklah melantik seorang juruaudit untuk mengaudit akaun-akaun tabung kesetiannya.

(3) Juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah dengan cara yang lazim dan dengan sepenuhnya mengaudit akaun-akaun tabung kesetiaan itu dan hendaklah mengaudit setaip akaun untung rugi dan kunci kira-kira dan menyebabkannya dibentangkan di hadapan syarikat bursa itu tidak lewat daripada satu bulan selepas akaun untung rugi dan kunci kira-kira itu dibuat.

(4) Tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, syarikat bursa hendaklah menyebabkan suatu salinan akaun untung rugi dan kunci kira-kira teraudit tabung kesetiannya dihantar kepada Suruhanjaya bersama-sama dengan laporan juruaudit.

64. (1) Seseorang broker niaga hadapan hendaklah, apabila dilesenkan di bawah Akta ini, membayar kepada syarikat bursa amaun sebanyak tiga puluh ribu ringgit sebagai caruman kepada tabung kesetiaan dan hendaklah, selepas itu pada atau sebelum tiga puluh satu haribulan Disember dalam setiap tahun selama lima tahun yang berikutan dengan tahun dia dilesenkan, membayar kepada syarikat bursa amaun sebanyak sepuluh ribu ringgit sebagai caruman kepada tabung kesetiaan.

Caruman kepada tabung kesetiaan.

(2) Segala caruman yang dibuat di bawah seksyen ini tidak boleh dibayar balik.

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam seksyen ini, syarikat bursa boleh, dari semasa ke semasa dengan kelulusan Suruhanjaya, mengubah amaun dan cara caruman dibayar oleh broker-broker niaga hadapan kepada tabung kesetiaan.

Kuasa syarikat bursa untuk membuat pendahulu; kepada tabung kesetiaan.

65. (1) Sesuatu syarikat bursa boleh dari semasa ke semasa memberikan atau mendahulukan, daripada wang amnya atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh syarikat bursa itu, apa-apa jumlah wang kepada tabung kesetiannya.

(2) Apa-apa wang yang didahulukan di bawah subseksyen (1) boleh dari semasa ke semasa dibayar balik daripada tabung kesetiaan kepada wang am syarikat bursa itu.

Pelaburan wang dalam tabung kesetiaan.

66. Sesuatu syarikat bursa boleh melaburkan apa-apa wang yang menjadi sebahagian daripada tabung kesetiannya yang tidak diperlukan dengan segera bagi apa-apa maksud lain yang diperuntukkan oleh Bahagian ini—

(a) sebagai simpanan tetap dengan sesuatu institusi berlesen; atau

(b) dalam sekuriti-sekuriti yang dalamnya pemegang-pemegang amanah dibenarkan oleh undang-undang melaburkan wang amanah.

Tuntutan terhadap tabung kesetiaan.

67. (1) Jika seseorang itu menanggung kerugian wang oleh sebab sesuatu kemungkiran yang dilakukan, dalam perjalanan atau berkaitan dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan dalam sesuatu pasaran hadapan sesuatu syarikat bursa, oleh seseorang broker niaga hadapan, atau oleh mana-mana pengarah atau pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, broker niaga hadapan itu berkenaan dengan apa-apa wang, kontrak niaga hadapan atau harta lain—

(a) yang telah diamanahkan kepada atau diterima oleh broker niaga hadapan itu, atau mana-mana

pengarah atau pekerja broker niaga hadapan itu, atau bagi pihak orang itu; dan

- (b) yang ke atasnya orang itu berhak atau yang mengenainya dia mempunyai kepentingan benefisial sama ada sedia ada atau kontingen,

dia adalah berhak, tertakluk kepada Bahagian ini, untuk menuntut pampasan daripada tabung kesetiaan syarikat bursa itu kerana kerugian wang itu.

(2) Subseksyen (1) tidak memberikan hak kepada mana-mana broker niaga hadapan untuk membuat tuntutan terhadap tabung kesetiaan itu.

(3) Sesuatu syarikat bursa tidaklah diwajibkan menimbangkan dan memutuskan sesuatu tuntutan terhadap tabung kesetiaan melainkan jika orang yang membuat tuntutan itu telah memuaskan hati syarikat bursa itu bahawa dia telah membuat segala usaha (selain daripada melalui tindakan di mahkamah) untuk mendapatkan ganti bagi kerugian itu daripada broker niaga hadapan yang berhubungan dengannya tuntutan itu berbangkit atau daripada mana-mana orang lain yang bertanggung berkenaan dengan kerugian itu.

(4) Tertakluk kepada Bahagian ini, amaun pampasan yang berhak dituntut oleh mana-mana orang daripada tabung kesetiaan ialah amaun kerugian wang sebenar yang ditanggung olehnya, termasuk kos yang berpatutan bagi dan perbelanjaan yang bersampingan dengan pembuatan dan pembuktian tuntutannya, dengan ditolak apa-apa amaun atau nilai wang atau faedah lain yang diterima atau akan diterima olehnya bagi mengurangkan kerugian itu daripada mana-mana sumber selain daripada tabung kesetiaan itu.

(5) Sebagai tambahan kepada apa-apa pampasan yang kena dibayar di bawah Bahagian ini, bunga hendaklah kena dibayar daripada tabung kesetiaan yang berkenaan atas amaun pampasan itu dengan ditolak apa-apa amaun yang boleh dikaitkan dengan kos dan perbelanjaan pada kadar lapan peratus setahun yang dikira dari hari kemungkliran itu telah dilakukan dan berterusan sehingga hari tuntutan itu dijelaskan.

Had
pampasan.

68. Amaun yang boleh dibayar kepada mana-mana orang, dan amaun atau agregat amaun yang boleh dibayar berkenaan dengan mana-mana broker niaga hadapan sebagai pampasan di bawah subseksyen 67(1), hendaklah terhad kepada amaun yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah syarikat bursa.

Notis
memanggil
tuntutan
terhadap
tabung
kesetiaan.

69. (1) Jika sesuatu syarikat bursa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang broker niaga hadapan telah melakukan kemungkiran yang boleh mengakibatkan pampasan kena dibayar di bawah Bahagian ini, syarikat bursa itu hendaklah menyebabkan supaya disiarkan dalam dua akhbar harian yang diterbitkan dan diedarkan secara umum di Malaysia, satu dalam bahasa kebangsaan dan satu dalam bahasa Inggeris, suatu notis yang menyatakan suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada tiga bulan selepas penyiaran notis itu yang pada atau sebelumnya tuntutan-tuntutan bagi pampasan daripada tabung kesetiaan boleh dibuat berhubung dengan broker niaga saham yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika mana-mana orang hendak menuntut pampasan daripada tabung kesetiaan di bawah Bahagian ini, dia hendaklah membuat tuntutan secara bertulis kepada syarikat bursa—

- (a) jika suatu notis di bawah subseksyen (1) telah disiarkan, pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan dalam notis itu; atau
- (b) jika tiada notis sedemikian telah disiarkan, dalam masa enam bulan selepas pihak menuntut mendapat tahu tentang kemungkiran itu,

dan apa-apa tuntutan yang tidak dibuat sedemikian hendaklah terhalang melainkan jika syarikat bursa menentukan selainnya.

(3) Sesuatu tindakan bagi ganti rugi tidak boleh dibuat terhadap sesuatu syarikat bursa atau terhadap mana-mana anggota atau pekerja sesuatu syarikat bursa atau jawatankuasa oleh sebab apa-apa notis yang disiarkan dengan suci hati dan tanpa niat jahat bagi maksud seksyen ini.

70. (1) Jika sesuatu syarikat bursa berpuas hati bahawa sesuatu tuntutan pampasan di bawah Bahagian ini ialah suatu tuntutan yang patut, syarikat bursa itu hendaklah, tertakluk kepada Bahagian ini, membuat keputusan membenarkan tuntutan itu.

Kuasa syarikat bursa berkenaan dengan tuntutan.

(2) Jika syarikat bursa itu tidak berpuas hati tentang kepatutan sesuatu tuntutan pampasan di bawah Bahagian ini, syarikat bursa itu hendaklah membuat keputusan menolak tuntutan itu atau, jika syarikat bursa itu berpuas hati tentang kepatutan sebahagian daripada tuntutan itu, syarikat bursa itu hendaklah membuat keputusan membenarkan tuntutan itu setakat bahagian itu sahaja.

(3) Keputusan di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah dibuat oleh syarikat bursa itu dalam masa enam bulan dari tarikh tuntutan dibuat atau dalam apa-apa tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana kes tertentu.

(4) Jika syarikat bursa membuat keputusan di bawah subseksyen (1) atau (2), syarikat bursa itu hendaklah dengan segera menyampaikan suatu notis bertulis tentang keputusannya kepada pihak yang menuntut atau kepada peguamcaranya dan menyerahkan satu salinan notis itu kepada Suruhanjaya.

(5) Jika syarikat bursa menolak, atau membenarkan sebahagian sahaja daripada, sesuatu tuntutan di bawah subseksyen (2), keputusan syarikat bursa itu hendaklah menyatakan sebab-sebab penolakan atau membenaran sebahagian sahaja tuntutan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Jika, dalam hal mana-mana tuntutan tertentu, selepas mengambil kira semua liabiliti tertentu dan kontingen tabung kesetiannya, sesuatu syarikat bursa berpendapat bahawa aset tabung itu membenarkan yang demikian, syarikat bursa itu boleh, dengan kebenaran terdahulu oleh Suruhanjaya, membenarkan berkenaan dengan tuntutan itu suatu jumlah wang yang melebihi amaun yang disebut dalam seksyen 68 sebagaimana yang difikirkan patut oleh syarikat bursa itu.

(7) Walaupun sesuatu syarikat bursa telah membuat keputusan membenarkan suatu tuntutan atau sebahagian daripada suatu tuntutan di bawah seksyen ini berkenaan dengan kemungkiran yang dilakukan oleh mana-mana broker niaga hadapan, pembayaran amaun yang dibenarkan daripada tabung kesetiiaannya tidak boleh dibuat sehingga selepas tamat tempoh yang dibenarkan untuk membuat rayuan di bawah seksyen 72, dan jika rayuan dibuat kepada Suruhanjaya mengikut seksyen 72 oleh mana-mana orang terhadap apa-apa keputusan syarikat bursa itu, tiada pembayaran boleh dibuat kepada mana-mana pihak menuntut sehingga selepas rayuan itu diputuskan.

Syarikat bursa boleh menghendaki dokumen, dll. dikemukakan.

71. (1) Sesuatu syarikat bursa boleh menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa kontrak niaga hadapan, dokumen atau penyata—

- (a) untuk menyokong apa-apa tuntutan pampasan di bawah Bahagian ini;
- (b) bagi maksud menggunakan haknya terhadap mana-mana broker niaga hadapan atau terhadap mana-mana orang lain; dan
- (c) bagi maksud membolehkan prosiding jenayah dibawa terhadap mana-mana orang berkenaan dengan sesuatu kemungkiran yang menjadi, atau yang melibatkan pelakuan, sesuatu kesalahan jenayah.

(2) Jika mana-mana pihak menuntut yang dikehendaki oleh sesuatu syarikat bursa supaya mengemukakan sesuatu kontrak niaga hadapan, dokumen atau penyata di bawah subseksyen (1) tidak mengemukakannya dalam masa tiga puluh hari atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh syarikat bursa itu dalam mana-mana kes tertentu maka syarikat bursa itu boleh, jika berpuas hati bahawa kontrak niaga hadapan, dokumen atau penyata itu ada dalam milik atau boleh didapati oleh pihak menuntut itu, menolak tuntutan pihak menuntut itu.

Hak membuat rayuan terhadap keputusan syarikat bursa.

72. Mana-mana orang yang terkilan dengan sesuatu keputusan yang dibuat oleh sesuatu syarikat bursa di bawah seksyen 70 atau subseksyen 71(2) boleh, dalam

masa satu bulan selepas dia diberitahu tentang keputusan itu merayu kepada Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

73. Apabila sesuatu syarikat bursa membuat apa-apa pembayaran daripada tabung kesetiannya berkenaan dengan apa-apa tuntutan pampasan di bawah Bahagian ini—

- (a) syarikat bursa itu hendaklah disubrogasi setakat pembayaran itu mengenai semua hak dan remedi pihak menuntut itu berkenaan dengan kerugian wang yang ditanggung olehnya oleh sebab kemungkiran yang menjadi asas tuntutan itu bersama dengan apa-apa bunga atas jumlah wang itu yang dibayar oleh syarikat bursa; dan
- (b) pihak menuntut itu tidaklah mempunyai hak di bawah mana-mana prosiding kebangkrapan atau prosiding undang-undang atau selainnya untuk menerima, berkenaan dengan kerugian wang itu, apa-apa jumlah wang daripada aset broker niaga hadapan yang berkenaan itu atau, jika kerugian wang itu telah disebabkan oleh kemungkiran seseorang pengarah atau pekerja, sehinggalah syarikat bursa itu telah dibayar ganti amaun penuh pembayaran yang dibuat olehnya daripada tabung kesetiaan.

74. Tiada wang atau harta lain kepunyaan sesuatu syarikat bursa, selain daripada tabung kesetiannya, boleh digunakan untuk membayar apa-apa tuntutan di bawah Bahagian ini.

75. (1) Jika amaun pada kredit dalam tabung kesetiaan sesuatu syarikat bursa tidak cukup untuk membayar keseluruhan amaun semua tuntutan terhadapnya yang telah dibenarkan di bawah Bahagian ini, maka amaun kredit pada dalam tabung kesetiaan itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan subseksyen (2), dibahagikan antara pihak-pihak menuntut itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan saksama oleh syarikat bursa itu, dan mana-mana tuntutan itu hendaklah, setakat yang masih belum dibayar, dipertanggungkan kepada wang tabung

Pensubrogasi
setakat
pembayaran
berkenaan
dengan
apa-apa
tuntutan
pampasan
di bawah
Bahagian
ini—

Pembayaran
tuntutan
hanyalah
daripada
tabung
kesetiaan.

Peruntukan
jika tabung
kesetiaan
tidak cukup
untuk
membayar
tuntutan
atau jika
tuntutan
melebihi
amaun yang
boleh
dibayar.

kesetiaan itu yang akan diterima pada masa hadapan dan dibayar daripada tabung kesetiaan itu apabila wang ada semula dalam tabung kesetiaan itu.

(2) Jika agregat bagi semua tuntutan pampasan yang telah dibenarkan di bawah Bahagian ini berkenaan dengan kemungkiran yang mengakibatkan tuntutan-tuntutan itu melebihi jumlah amaun yang boleh dibayar di bawah Bahagian ini berkenaan dengan mana-mana broker niaga hadapan yang terbabit dengan kemungkiran itu, maka jumlah amaun itu hendaklah dibahagikan antara pihak-pihak menuntut itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan saksama oleh syarikat bursa itu, dan apabila jumlah amaun itu dibayar daripada tabung kesetiaan mengikut pembahagian itu—

(a) semua tuntutan itu; dan

(b) semua tuntutan lain bagi pampasan yang mungkin berbangkit atau dibuat kemudian daripada itu berkaitan dengan kemungkiran itu,

adalah selesai dengan mutlak.

Kuasa syarikat bursa untuk membuat kontrak insurans dan penggunaan hasil.

76. (1) Sesuatu syarikat bursa boleh menginsuranskan tabung kesetiannya dengan mana-mana perniagaan insurans berdaftar di Malaysia bagi maksud melindungi tabung kesetiaan terhadap apa-apa pemupusan disebabkan oleh tuntutan-tuntutan yang dibuat di bawah Bahagian ini.

(2) Seseorang yang membuat tuntutan terhadap tabung kesetiaan tidaklah mempunyai apa-apa hak atau tindakan terhadap mana-mana penanggung insurans yang dengannya suatu kontrak insurans atau tanggung rugi dibuat di bawah seksyen ini, dan tidaklah juga mempunyai apa-apa hak atau tuntutan berkenaan dengan apa-apa wang yang dibayar oleh penanggung insurans itu mengikut apa-apa kontrak sedemikian.

Tanggung rugi syarikat bursa.

77. (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Bahagian ini, sesuatu syarikat bursa hendaklah bertanggung sepenuhnya dan hendaklah menanggung rugi broker-broker niaga hadapan atas kemungkirannya sendiri.

(2) Seseorang yang membuat tuntutan terhadap tabung kesetiaan bagi pampasan kerana kemungkiran seseorang broker niaga hadapan dan mana-mana orang lain yang menanggung kerugian kerana penyalahgunaan oleh broker-broker niaga hadapan tidaklah mempunyai apa-apa hak tindakan sendiri terhadap sesuatu syarikat bursa itu dan hanya boleh menuntut terhadap broker niaga hadapan dan tabung kesetiaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

78. Sekiranya sesuatu syarikat bursa sedang digulung di bawah Akta Syarikat 1965, syarikat bursa itu hendaklah, selepas menyelesaikan segala liabiliti yang belum dijelaskan daripada tabung kesetiannya, menjadikan tersedia untuk pelikuidasi syarikat bursa itu baki amaun yang ada dalam tabung kesetiaan yang hendaklah menjadi sebahagian daripada aset syarikat bursa itu dan tersedia untuk pelikuidasi untuk dibahagikan mengikut Akta Syarikat 1965.

Wang dalam tabung kesetiaan semasa penggulungan syarikat bursa.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN

79. Tiada seorang pun boleh mewujudkan atau menyebabkan diwujudkan atau melakukan apa-apa jua yang direncanakan untuk mewujudkan gambaran yang palsu atau mengelirukan bahawa terdapat perdagangan aktif dalam sesuatu kontrak niaga hadapan di sesuatu pasaran niaga hadapan, atau gambaran yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan pasaran bagi, atau harga perdagangan dalam, kontrak-kontrak niaga hadapan di pasaran kontrak niaga hadapan itu.

Perdagangan palsu.

80. Tiada seorang pun boleh melaksanakan, atau mengemukakan dirinya sebagai telah melaksanakan, sesuatu pesanan bagi pembelian atau penjualan suatu kontrak niaga hadapan di sesuatu pasaran niaga hadapan tanpa menyempurnakan suatu pembelian atau penjualan *bona fide* kontrak niaga hadapan itu mengikut kaedah-kaedah dan amalan perniagaan pasaran niaga hadapan itu.

Pembrokeran liar.

Penyebaran maklumat tentang perdagangan palsu

81. Tiada seorang pun boleh mengedarkan, menyebarkan atau membenarkan, atau terbabit dalam pengedaran atau penyebaran, apa-apa pernyataan atau maklumat yang bermaksud bahawa harga perdagangan dalam mana-mana kelas kontrak niaga hadapan akan, atau mungkin akan, naik atau turun oleh sebab operasi pasaran satu orang atau lebih dan dia tahu operasi itu dijalankan dengan melanggar seksyen 79.

Manipulasi harga kontrak niaga hadapan dan memborong-simpan.

82. Tiada seorang pun boleh secara langsung atau tak langsung—

- (a) memanipulasi atau cuba memanipulasi harga kontrak niaga hadapan yang mungkin diniagakan di sesuatu pasaran niaga hadapan, atau harga apa-apa suratcara dasar yang menjadi hal perkara kontrak niaga hadapan itu; atau
- (b) memborong-simpan atau cuba memborong-simpan apa-apa suratcara dasar yang menjadi hal perkara sesuatu kontrak niaga hadapan.

Penggunaan muslihat, dll untuk memfraud.

83. Tiada seorang pun boleh, secara langsung atau tak langsung, berkaitan dengan apa-apa transaksi dengan mana-mana orang lain yang melibatkan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan—

- (a) menggunakan apa-apa muslihat, skim atau tipu helah untuk memfraud orang lain itu;
- (b) melibatkan diri dalam apa-apa perbuatan, amalan atau perjalanan perniagaan yang beroperasi sebagai suatu fraud atau perdayaan, atau yang mungkin beroperasi sebagai suatu fraud atau perdayaan, terhadap orang lain itu; atau
- (c) membuat apa-apa pernyataan palsu mengenai sesuatu fakta material atau tidak menyatakan sesuatu fakta material yang perlu untuk menjadikan pernyataan-pernyataan yang dibuat, dalam hal keadaan pernyataan-pernyataan itu dibuat, tidak mengelirukan.

84. Tiada seorang pun boleh secara langsung atau tak langsung, bagi maksud mendorong pembelian atau penjualan sesuatu kontrak niaga hadapan, membuat—

Pernyataan yang palsu atau mengelirukan.

- (a) apa-apa pernyataan yang, pada masa dan dalam hal keadaan pernyataan itu dibuat, adalah palsu, mengelirukan atau memperdayakan berkenaan dengan apa-apa fakta material; atau
- (b) apa-apa pernyataan yang, oleh sebab peninggalan sesuatu fakta material, menjadi palsu atau mengelirukan.

85. (I) Tiada pekerja sesuatu syarikat bursa atau pusat penjejasan boleh—

Sekalian terhadap pekerja syarikat bursa dan pusat penjelasan.

- (a) melibatkan diri secara langsung atau tak langsung dalam perdagangan dalam kontrak niaga hadapan; atau
- (b) secara langsung atau tak langsung mendedahkan, tanpa kebenaran, apa-apa maklumat sulit atau kewangan atau apa-apa maklumat lain yang mungkin sampai ke tangannya disebabkan oleh fungsinya sebagai seorang pekerja syarikat bursa atau pusat penjelasan itu.

86. Mana-mana orang yang, berhubungan dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan, mempunyai apa-apa maklumat yang jika diketahui umum mungkin semunasabahnya dijangkakan akan menyentuh secara material harga hal perkara perdagangan itu dan yang—

Larangan penyalahgunaan maklumat yang didapati atas sifat rasmi.

- (a) dipegangnya oleh sebab sifat rasminya atau sifat rasminya yang dahulu;
- (b) adalah munasabah untuk menjangka tidak akan didedahkan oleh seseorang yang mempunyai atau pernah mempunyai sifat rasminya itu melainkan bagi pelaksanaan sepatutnya fungsi-fungsi yang bersangkutan dengan sifat rasmi itu; dan
- (c) dia tahu adalah maklumat sensitif harga yang tidak disiarkan berhubungan dengan sesuatu suratcara dasar yang menjadi hal perkara sesuatu

kontrak niaga hadapan atau berhubungan dengan perdagangan dalam sesuatu kontrak niaga hadapan,

tidak boleh menggunakan maklumat sedemikian dengan cara tak patut untuk memperoleh, secara langsung atau tak langsung, manfaat bagi dirinya sendiri atau bagi mana-mana orang lain.

Pemalsuan
rekod oleh
pengarah,
pekerja
dan ejen.

87. Tiada pengarah, pengurus, pegawai, juruaudit, pekerja, wakil atau ejen sesuatu syarikat bursa, seseorang broker niaga hadapan atau seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan boleh—

- (a) membuat atau menyebabkan dibuat, sesuatu catatan palsu dalam mana-mana buku atau rekod atau dalam mana-mana laporan, slip, dokumen atau penyata mengenai perniagaan, hal-ehwal, transaksi, keadaan, aset atau akaun syarikat bursa, broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan itu;
- (b) meninggalkan daripada membuat sesuatu catatan dalam mana-mana buku atau rekod atau dalam mana-mana laporan, slip, dokumen atau penyata mengenai perniagaan, hal-ehwal, transaksi, keadaan, aset atau akaun syarikat bursa, broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan itu atau menyebabkan mana-mana catatan sedemikian ditinggalkan; atau
- (c) mengubah, memotong, menyembunyikan atau memusnahkan sesuatu catatan dalam mana-mana buku atau rekod atau dalam mana-mana laporan, slip, dokumen atau penyata mengenai perniagaan, hal-ehwal transaksi, keadaan, aset atau akaun syarikat bursa, broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan itu atau menyebabkan mana-mana catatan sedemikian diubah, dipotong, disembunyikan atau dimusnahkan.

Penalti.

88. Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Bahagian ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan,

boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VIII

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

89. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"buku" termasuklah apa-apa daftar atau rekod maklumat lain, apa-apa akaun atau rekod perakaunan, bagaimana pun disusun, direkodkan atau disimpan, dan apa-apa dokumen;

"Pegawai Penyiasat" ertinya seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang dilantik di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1992.

90. (1) Seseorang Pegawai Penyiasat hendaklah mempunyai segala kuasa untuk menjalankan penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini. Kuasa-kuasa Pegawai Penyiasat.

(2) Seseorang Pegawai Penyiasat yang menjalankan penyiasatan atau pemeriksaan di bawah Akta ini boleh memasuki mana-mana tempat atau bangunan dan boleh—

(a) memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, buku minit, daftar atau dokumen; dan

(b) jika dia ada sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan terhadap Akta ini, mencari, menyita, mengambil milik dan menahan apa-apa barang, artikel, bahan, benda, akaun, buku atau dokumen lain, termasuk apa-apa dokumen perjalanan atau dokumen peribadi lain, yang boleh digunakan sebagai keterangan.

(3) Seseorang Pegawai Penyiasat boleh, dengan notis bertulis, menghendaki mana-mana orang mengemukakan kepadanya apa-apa buku, daftar atau dokumen dalam jagaan atau di bawah kawalan orang itu.

(4) Seseorang yang—

- (a) tidak mengemukakan apa-apa buku, daftar atau dokumen yang dikehendaki oleh seseorang Pegawai Penyiasat; atau
- (b) menghalang atau menggendalakan seseorang Pegawai Penyiasat semasa menjalankan mana-mana kuasa di bawah seksyen ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(5) Seseorang Pegawai Penyiasat boleh memberikan kebenaran kepada mana-mana orang untuk memeriksa mana-mana akaun, buku atau dokumen lain yang disita dan diambil milik oleh Pegawai Penyiasat itu di bawah subseksyen (1) jika orang itu berhak untuk memeriksa akaun, buku atau dokumen itu di bawah Akta ini.

(6) Subseksyen (1) tidak boleh ditafsirkan sebagai menghadkan atau menyentuh apa-apa kuasa yang serupa yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang lain.

Kemasukan
dengan
kekerasan.

91. (1) Bagi maksud menjalankan kuasa-kuasanya di bawah perenggan 90(2)(b) seseorang Pegawai Penyiasat boleh memasuki mana-mana tempat atau bangunan dengan kekerasan, jika perlu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), tiada Pegawai Penyiasat boleh memasuki mana-mana premis dengan menggunakan kekerasan tanpa waran geledah daripada Majistret melainkan jika dia mempunyai alasan-alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa, oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran geledah, apa-apa barang, artikel, bahan, benda, akaun, buku atau dokumen lain yang disebut dalam perenggan 90(2)(b) akan diganggu atau dimusnahkan atau tujuan mana-mana kemasukan itu mungkin terkecewa.

92. (1) Bagi maksud seksyen 90, seseorang Pegawai Penyiasat boleh, dengan notis bertulis, menghendaki mana-mana orang yang tahu tentang fakta dan keadaan kes itu hadir di hadapannya untuk diperiksa secara lisan dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu.

Kuasa untuk memanggil orang untuk diperiksa.

(2) Orang itu hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh Pegawai Penyiasat dan untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan, dan tidak boleh enggan menjawab apa-apa soalan atas alasan bahawa soalan itu mungkin menunjukkan bahawa dia bersalah.

(3) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah dituliskan dan hendaklah ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu, dan jika orang yang diperiksa itu enggan menandatangani atau mengecapkan cap jarinya atas pernyataan itu, Pegawai Penyiasat hendaklah mengendorskan padanya di bawah tandatangannya hakikat keengganan itu dan sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(4) Apa-apa pernyataan yang dibuat dan direkodkan di bawah seksyen ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding dalam mana-mana Mahkamah.

(5) Mana-mana orang yang—

- (a) tidak hadir di hadapan seseorang Pegawai Penyiasat sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1);
- (b) enggan menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan oleh seseorang Pegawai Penyiasat

sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (2); atau

- (c) memberi seorang Pegawai Penyiasat maklumat atau pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir material,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN IX

AM

Penjalanan
pendakwaan.

93. (1) Tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengerusi Suruhanjaya boleh menjalankan apa-apa pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

Kerahsiaan.

94. (1) Tiap-tiap pengarah, pegawai atau pekerja sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan hendaklah memelihara, dan membantu dalam memelihara, kerahsiaan berkenaan dengan semua perkara yang sampai kepada pengetahuannya dalam menjalankan atau melaksanakan tugas-tugasnya.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai—

- (a) bagi pendedahan apa-apa maklumat yang dibenarkan oleh Suruhanjaya untuk didedahkan atau diberikan;
- (b) bagi pendedahan maklumat bagi maksud mana-mana prosiding undang-undang yang dibawa di bawah Akta ini, atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, atau bagi maksud apa-apa laporan mana-mana prosiding sedemikian, kecuali bahawa, berhubungan dengan kedudukan seseorang pelanggan broker niaga hadapan, prosiding itu boleh, jika mahkamah atas

kuasanya sendiri atau atas permohonan suatu pihak dalam prosiding itu memerintahkan sedemikian, diadakan secara tertutup dan maklumat itu hendaklah menjadi rahsia antara mahkamah dengan pihak-pihak dalam prosiding itu; atau

- (c) bagi pendedahan maklumat bagi apa-apa maksud lain, atau dalam apa-apa hal keadaan lain, yang ditetapkan oleh Suruhanjaya melalui peraturan-peraturan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

95. (1) Sesuatu syarikat bursa, sesuatu pusat penjelasan atau seseorang orang berlesen hendaklah—

Pengemukaan rekod, dll. oleh syarikat bursa, dll.

- (a) mengemukakan apa-apa buku, akaun dan rekod yang disimpan olehnya berkaitan dengan atau bagi maksud perniagaannya atau berkenaan dengan apa-apa perdagangan dalam kontrak niaga hadapan; dan

- (b) memberikan apa-apa maklumat lain yang berhubungan dengan perniagaannya atau perdagangannya dalam kontrak niaga hadapan,

yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(2) Jika mana-mana syarikat bursa, pusat penjelasan atau orang berlesen tidak mematuhi mana-mana kehendak di bawah subseksyen (1), syarikat bursa, pusat penjelasan atau orang berlesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

96. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti

Penalti am.

diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Peng-
kompaunan
kesalahan.

97. (1) Pegawai Pelesen boleh, dalam sesuatu kes jika difikirkannya layak untuk berbuat demikian, mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Bahagian III atau IV dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Pegawai Pelesen apa-apa jumlah wang dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pegawai Pelesen, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), maka tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan itu dibuat.

Orang yang
disabitkan
bertanggungjawab
membayar
pampasan.

98. (1) Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini dan telah disabitkan atas suatu kesalahan berhubungan dengan pelanggaran itu hendaklah bertanggungjawab membayar pampasan kepada mana-mana orang lain yang, dalam berdagang dalam kontrak niaga hadapan dengan orang yang mula-mula disebut itu atau seseorang yang bertindak bagi atau bagi pihak orang yang mula-mula disebut itu, mengalami kerugian oleh sebab perbezaan di antara harga perdagangan itu berlaku dengan harga perdagangan itu mungkin akan berlaku sekiranya pelanggaran itu tidak terjadi.

(2) Amaun pampasan yang baginya seseorang itu bertanggung di bawah subseksyen (1) hendaklah amaun kerugian wang sebenar yang dialami oleh orang yang menuntut pampasan itu.

(3) Sesuatu tindakan untuk mendapatkan ganti sesuatu kerugian di bawah seksyen ini tidak boleh dibuat selepas tamat tempoh dua tahun dari tarikh sabitan orang itu atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran yang berhubungan dengan ada rayuan pampasan itu atau, jika tuntutan berkenaan dengan sabitan itu, dari tarikh rayuan itu dibereskan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menyentuh apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh seseorang di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

99. (1) Jika sesuatu perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain perbadanan itu yang dengan apa-apa cara, melalui perbuatan atau peninggalan secara langsung atau tak langsung, terbabit dalam, atau menjadi suatu pihak kepada, pelakuan kesalahan itu hendaklah juga disifatkan melakukan kesalahan itu.

Kesalahan oleh perbadanan, dll.

(2) Jika seseorang wakil broker niaga hadapan atau wakil penasihat perdagangan niaga hadapan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan yang kepadanya dia ditauliahkan hendaklah juga disifatkan melakukan kesalahan itu.

100. Bagi maksud Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain—

(a) sesuatu kontrak niaga hadapan yang dibuat dengan sah di bawah Akta ini dan sesuatu perniagaan sekuriti yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan sesuatu kontrak niaga hadapan tidak boleh dianggap penjualan pendek mengikut pengertian Akta Perindustrian Sekuriti 1983; dan

Kontrak niaga hadapan bukan kontrak penjualan pendek atau perjudian atau pertagaan.

(b) sesuatu kontrak niaga hadapan yang dibuat dengan sah di bawah Akta ini tidak boleh dianggap suatu kontrak perjudian atau pertaganan.

Sekatan terhadap perniagaan dalam pasaran niaga hadapan.

101. Perdagangan dalam kontrak niaga hadapan dalam sesuatu pasaran niaga hadapan hendaklah berkenaan dengan apa-apa suratcara yang diluluskan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Perdagangan dalam kontrak niaga hadapan di luar Malaysia.

102. (1) Seseorang broker niaga hadapan tidak boleh berdagang dalam kontrak niaga hadapan di mana-mana bursa niaga hadapan di luar Malaysia kecuali di pasaran niaga hadapan sesuatu Bursa Ditetentukan.

(2) Mana-mana broker niaga hadapan yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Deposit hendaklah dibayar bagi perdagangan di Bursa Ditetentukan.

103. Seseorang broker niaga hadapan tidak boleh berdagang di pasaran niaga hadapan sesuatu Bursa Ditetentukan melainkan jika dia telah membayar kepada Suruhanjaya suatu deposit yang tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dalam bentuk wang tunai atau dalam apa-apa bentuk lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya.

Penyelesaian pertikaian.

104. Apa-apa pertikaian yang berbangkit daripada perniagaan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan di pasaran niaga hadapan sesuatu syarikat bursa—

(a) antara broker niaga hadapan;

(b) antara broker niaga hadapan dengan syarikat bursa; atau

(c) antara pelanggan dengan broker niaga hadapan,

tidak boleh dibawa ke Mahkamah melainkan jika segala kemudahan bagi penyelesaiannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah perniagaan telah habis digunakan.

105. (1) Melainkan jika Suruhanjaya membenarkan selainnya, tiada seorang pun selain daripada sesuatu syarikat bursa boleh mengambil atau menggunakan, atau melekatkan atau mempamerkan di mana-mana tempat, apa-apa gelaran yang menyerupai gelaran "Bursa Niaga Hadapan" atau apa-apa gelaran yang sebegitu hampir menyerupai gelaran sedemikian sehingga mungkin memperdaya.

Larangan menggunakan gelaran tertentu.

(2) Seseorang yang bukan seorang broker niaga hadapan atau penasihat perdagangan niaga hadapan tidak boleh—

- (a) mengambil atau menggunakan gelaran atau perihalan "broker niaga hadapan" atau "penasihat perdagangan niaga hadapan"; atau
- (b) mengambil atau menggunakan, atau melekatkan atau mempamerkan di mana-mana tempat, apa-apa gelaran atau perihalan yang menyerupai gelaran-gelaran yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau yang sebegitu hampir menyerupai gelaran-gelaran sedemikian sehingga mungkin memperdaya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

106. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suaimanfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk membuat peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) bagi mengadakan peruntukan bagi saraan seseorang juruaudit yang dilantik di bawah Akta ini dan bagi kos sesuatu pengauditan yang dijalankan di bawah Akta ini;
- (b) bagi menetapkan apa-apa borang bagi maksud-maksud Akta ini;

- (c) bagi menetapkan fee yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki bagi maksud-maksud Akta ini; dan
- (d) bagi semua perkara atau benda yang melalui Akta ini adalah dikehendaki atau dibenarkan supaya ditetapkan atau yang perlu atau suaimanfaat ditetapkan untuk melaksanakan Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini—

- (a) boleh memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan itu adalah menjadi suatu kesalahan; dan
- (b) boleh membuat peruntukan bagi pengenaan penalti yang tidak boleh melebihi satu ratus ribu ringgit bagi kesalahan sedemikian.

Pengecualian berkenaan dengan Akta Penindustrian Sekuriti 1983.

107. Peruntukan-peruntukan Akta ini tidaklah terpakai bagi sesuatu Bursa Saham yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan di bawah Akta ini tidaklah disifatkan sebagai berniaga sekuriti di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Pengecualian berkenaan dengan Akta Dagangan Komoditi 1985

108. Peruntukan-peruntukan Akta ini tidaklah terpakai bagi sesuatu Bursa Komoditi dan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan komoditi sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Dagangan Komoditi 1985 dan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan di bawah Akta ini tidaklah disifatkan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan komoditi di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985.

Bank luar pesisir, syarikat iuar pesisir, dsb. dikecualikan.

109. Peruntukan-peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan seseorang yang menjalankan perniagaan penasihat perdagangan niaga hadapan tidaklah terpakai—

- (a) bagi sesuatu bank luar pesisir berlesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank Luar Pesisir 1990;

Akta 443.

- (b) bagi sesuatu syarikat luar pesisir atau sesuatu syarikat luar pesisir asing sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat Luar Pesisir *Akta441*. 1990,

jika bank atau syarikat sedemikian memberikan nasihat mengenai kontrak niaga hadapan mengikut pengertian Akta ini kepada mana-mana orang yang bukan seorang pemastautin.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan bursa-bursa niaga hadapan dan mengawalselia perdagangan dalam kontrak niaga hadapan. Rang Undang-Undang ini terutamanya dirancang untuk mengadakan peruntukan bagi—

- (a) pelulusan dan pengawalseliaan bursa-bursa niaga hadapan dan pusat-pusat penjelasannya;
- (b) suatu sistem pelesenan bagi semua broker niaga hadapan, penasihat perdagangan niaga hadapan dan wakil mereka;
- (c) kehendak-kehendak yang akan dikenakan ke atas broker-broker niaga hadapan dan penasihat-penasihat perdagangan niaga hadapan supaya menyenggara akaun-akaun, yang tertakluk kepada pengauditan, dan supaya membuat pendedahan penuh kepada pelanggan-pelanggan dan peserta-peserta mereka berkenaan dengan transaksi yang dijalankan bagi pihak pelanggan-pelanggan dan peserta-peserta itu;
- (d) suatu sistem bagi penjalanan perniagaan oleh broker-broker niaga hadapan dan penasihat-penasihat perdagangan niaga hadapan untuk memastikan perlindungan yang mencukupi bagi pelabur-pelabur;
- (e) kuasa yang akan diberikan kepada Suruhanjaya untuk mengawalselia bursa-bursa niaga hadapan; dan
- (f) pewujudan kesalahan-kesalahan berkenaan dengan amalan-amalan fraud.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I adalah berhubungan dengan perkara-perkara permulaan.

3. *Fasal 1* membuat peruntukan mengenai tajuk ringkas dan peruntukan-peruntukan tentang permulaan kuatkuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II memperkatakan penubuhan bursa-bursa niaga hadapan.
6. *Fasal 3* menjadikannya suatu kesalahan jika suatu pasaran niaga hadapan ditubuhkan, disenggarakan atau dikemukakan sebagai suatu pasaran niaga hadapan sedangkan pasaran itu bukan pasaran niaga hadapan suatu bursa niaga hadapan yang diluluskan oleh Menteri.
7. *Fasal 4* adalah berhubungan dengan kuasa Menteri untuk meluluskan penubuhan dan pengendalian sesuatu bursa niaga hadapan.
8. *Fasal 5* memperkatakan pengurusan sesuatu syarikat bursa, yang terletak pada Lembaga Pengarah syarikat bursa itu.
9. *Fasal 6* memperuntukkan bahawa^ sesuatu syarikat bursa hendaklah mengemukakan apa-apa pindaan kepada perlembagaannya, kaedah-kaedah perniagaan pusat penjelasannya atau pindaan-pindaan kepada kaedah-kaedah itu kepada Suruhanjaya bagi kelulusannya.
10. *Fasal 7, 8, 9 dan 10* adalah berhubungan dengan kuasa Menteri untuk membatalkan kelulusan yang diberikan kepada sesuatu syarikat bursa, untuk menggantung perdagangan sebagai ganti membatalkan kelulusan dan untuk menutup bursa niaga hadapan itu dalam masa darurat.
11. *Fasal 11* adalah berhubungan dengan kuasa-kuasa Suruhanjaya untuk mengambil tindakan terhadap sesuatu syarikat bursa.
12. *Fasal 12* bertujuan menghendaki Suruhanjaya menyiarkan notis pembatalan kelulusan atau penggantungan perdagangan atau penutupan bursa-bursa niaga hadapan.
13. *Fasal 13 dan 14* adalah berhubungan dengan penggantungan perdagangan atau penutupan bursa niaga hadapan dan menjadikannya suatu kesalahan jika apa-apa perdagangan dijalankan atau mana-mana premis dimasuki atau kemudahan-kemudahan bursa niaga hadapan itu digunakan dalam masa penggantungan atau penutupan itu.

14. *Fasal 15* bertujuan membolehkan Suruhanjaya mengambil tindakan darurat jika difikirkannya perlu untuk mengekalkan perdagangan teratur dalam, atau pelikuidasian, mana-mana kontrak niaga hadapan dengan mengeluarkan arahan kepada sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan. Jika sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan tidak mematuhi arahan itu, Suruhanjaya boleh mengambil sendiri apa-apa tindakan yang difikirkannya perlu untuk memulihkan perdagangan teratur dalam atau pelikuidasian kontrak-kontrak niaga hadapan. Takrif apa yang menjadi darurat diperuntukkan dalam *subfasal (3)*. Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya boleh merayu kepada Menteri dan keputusannya adalah muktamad.

BAHAGIAN III

15. Bahagian III memperkatakan pelesenan broker niaga hadapan, penasihat perdagangan niaga hadapan dan wakil-wakil.

16. *Fasal 16, 17, 18 dan 19* mengadakan peruntukan bagi pelesenan broker niaga hadapan, penasihat perdagangan niaga hadapan, wakil broker niaga hadapan dan wakil penasihat perdagangan niaga hadapan.

17. *Fasal 20* menyenaraikan orang yang dikecualikan daripada dilesenkan di bawah Akta yang dicadangkan.

18. *Fasal 21* membuat peruntukan bagi perlantikan seorang pegawai awam sebagai Pegawai Pelesen.

19. *Fasal 22 dan 23* adalah berhubungan dengan lesen-lesen yang akan dikeluarkan di bawah Bahagian ini.

20. *Fasal 24 dan 25* menyatakan hal keadaan yang membolehkan Pegawai Pelesen enggan memberikan atau membaharui sesuatu lesen.

21. *Fasal 26* memperihalkan hal keadaan yang membolehkan Pegawai Pelesen membatalkan lesen.

22. *Fasal 27* memperkatakan penyerahan lesen kepada Pegawai Pelesen.

23. *Fasal 28* memberikan kuasa kepada Pegawai Pelesen untuk menyiasat pengatahan salah liiku oleh seseorang orang berlesen, atau pengatahan bahawa dia bukanlah seorang yang layak dan patut terus menjadi orang berlesen, atau bahawa orang berlesen itu telah tidak menjalankan perniagaannya mengikut cara yang sepatutnya. Jika Pegawai Pelesen mendapati pengatahan-pengatahan itu terbukti dia boleh membatalkan atau menggantung lesennya atau mencelanya.

24. *Fasal 29* memperkatakan kesan pembatalan atau penggantungan sesuatu lesen.

25. *Fasal 30* mengadakan peruntukan bagi rayuan terhadap keengganan untuk memberikan atau membaharui sesuatu lesen atau terhadap pembatalan atau penggantungan sesuatu lesen.
26. *Fasal 31* mewujudkan kesalahan bagi pembuatan pernyataan palsu berkaitan dengan permohonan bagi atau pembaharuan lesen.
27. *Fasal 32* mewajibkan tiap-tiap orang berlesen memaklumkan Pegawai Pelesen tentang apa-apa pertukaran alamat tempat dia menjalankan perniagaan dan maklumat lain yang tertentu.
28. *Fasal 33* mewajibkan Pegawai Pelesen menyenggara suatu daftar pemegang lesen dan mana-mana orang boleh memeriksa dan mengambil cabutan daripada daftar itu.
29. *Fasal 34* menghendaki Pegawai Pelesen menyiarkan nama dan alamat seseorang orang berlesen dalam *Warta*.
30. *Fasal 35* menghendaki sesuatu bursa niaga hadapan memberikan bantuan kepada Pegawai Pelesen.

BAHAGIAN IV

31. Bahagian IV memperkatakan akaun dan pengauditan.
32. *Fasal 36* mengadakan peruntukan bagi penyimpanan sepatutnya akaun dan rekod-rekod lain oleh seseorang broker niaga hadapan. Rekod-rekod mestilah disimpan olehnya selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun.
33. *Fasal 37* mengadakan peruntukan bagi perlantikan juruaudit oleh seseorang broker niaga hadapan untuk mengaudit akaun-akaunnya.
34. *Fasal 38* memperkatakan pengemukaan akaun tahunan seseorang broker niaga hadapan kepada Suruhanjaya.
35. *Fasal 39* memperuntukkan bahawa jika juruaudit seseorang broker niaga hadapan mendapat tahu apa-apa perkara yang memudaratkan kedudukan kewangan broker niaga hadapan itu atau pelanggaran *fasal 36* atau *fasal 52*, juruaudit itu mestilah melaporkan perkara itu kepada Suruhanjaya.
36. *Fasal 40* dan *41* memperihalkan hal keadaan yang membolehkan Suruhanjaya melantik juruaudit dan kuasa-kuasa juruaudit yang dilantik sedemikian.
37. *Fasal 42* mewujudkan kesalahan jika mana-mana orang memusnahkan, menyembunyikan atau mengubah mana-mana buku, akaun atau rekod dengan niat untuk menghalang, melengahkan atau mengendalakan mana-mana pengauditan.

38. *Fasal 43* mengadakan peruntukan bagi kerahsiaan maklumat yang diperolehi oleh seseorang juruaudit atau pekerjanya dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya, tertakluk kepada kekecualian-kekecualian perlu yang tertentu.
39. *Fasal 44* membolehkan Suruhanjaya atau syarikat bursa mengenakan obligasi tambahan ke atas broker niaga hadapan berkenaan dengan pengauditan akaun dan penyimpanan akaun, buku dan rekod atau maklumat.
40. *Fasal 45* mengadakan peruntukan bagi penyenggaraan buku dan rekod oleh seseorang penasihat perdagangan niaga hadapan dan bagi pendedahan kepada pelanggan dan peserta mereka tentang kedudukan pasaran.
41. *Fasal 46* memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Bahagian IV berkenaan dengan perantukan juruaudit, kewajipan juruaudit atau pemfailan laporan juruaudit hendaklah terpakai bagi penasihat perdagangan niaga hadapan, bursa niaga hadapan dan pusat penjelasan.
42. *Fasal 47* memberikan kuasa-kuasa kepada Suruhanjaya untuk melantik sendiri juruaudit dan mengenakan kewajipan tambahan ke atas juruaudit sesuatu syarikat bursa, sesuatu pusat penjelasan atau seseorang broker niaga hadapan.
43. *Fasal 48* memberikan perlindungan bersyarat kepada seseorang juruaudit terhadap tindakan fitnah berkenaan dengan pernyataan-pernyataan yang dibuat secara bertulis dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya atau dalam laporan-laporan yang dihantar kepada Suruhanjaya.

BAHAGIAN V

44. Bahagian V memperkatakan amalan-amalan perdagangan.
45. *Fasal 49* dan *50* mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengeluaran nota kontrak dan berdagang sebagai prinsipal.
46. *Fasal 51* menghendaki broker niaga hadapan memberikan maklumat tertentu kepada pelanggan-pelanggannya.
47. *Fasal 52* mengadakan peruntukan bagi pengasingan wang, sekuriti atau harta yang diterima oleh seseorang broker niaga hadapan daripada seseorang pelanggan berhubungan dengan perniagaan dalam kontrak niaga hadapan.
48. *Fasal 53* mewajibkan seseorang broker niaga hadapan dan penasihat perdagangan niaga hadapan supaya memberi pelanggan-pelanggan mereka, sebelum mereka membuat transaksi dengan

pelanggan-pelanggan itu, suatu dokumen pendedahan risiko yang mesti ditandatangani oleh pelanggan-pelanggan itu dan diakui oleh pelanggan itu bahawa dia faham sifat dan kandungannya.

49. *Fasal 54* menghendaki supaya, kecuali dalam hal keadaan tertentu, seseorang broker niaga hadapan memberikan keutamaan kepada pesanan pelanggannya.

50. *Fasal 55* membolehkan Suruhanjaya atau syarikat bursa dengan kelulusan Suruhanjaya, bagi maksud mengurangkan, menghapuskan atau mencegah spekulasi berlebih-lebihan, mewujudkan dan menetapkan kedudukan dan had perdagangan berhubungan dengan kontrak niaga hadapan tetapi fasal ini tidak terpakai bagi transaksi atau kedudukan perlindungan nilai *bonafide* sebagaimana yang ditakrifkan oleh suatu pasaran niaga hadapan.

51. *Fasal 56* mengadakan peruntukan bagi penalti kerana mana-mana orang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Bahagian V.

BAHAGIAN VI

52. Bahagian VI mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan tabung kesetiaan.

53. *Fasal 57* mentakrifkan perkataan-perkataan tertentu yang digunakan dalam Bahagian VI.

54. *Fasal 58* dan *59* mengadakan peruntukan bagi penubuhan tabung kesetiaan dan jawatankuasa tabung kesetiaan oleh sesuatu syarikat bursa.

55. *Fasal 60* menyatakan wang yang menjadi tabung kesetiaan.

56. *Fasal 61* memperuntukkan bahawa syarikat bursa hendaklah menyimpan segala wang yang menjadi sebahagian daripada tabung kesetiaan dalam akaun amanah yang berasingan.

57. *Fasal 62* menyatakan bayaran yang boleh dipertanggungkan pada tabung kesetiaan.

58. *Fasal 63* adalah berhubungan dengan akaun tabung kesetiaan yang mesti disimpan oleh syarikat bursa.

59. *Fasal 64* adalah berhubungan dengan caruman kepada tabung kesetiaan oleh broker niaga hadapan.

60. *Fasal 65* dan *66* adalah berhubungan dengan kuasa-kuasa sesuatu syarikat bursa untuk membuat pendahuluan kepada tabung kesetiaan dan untuk melaburkan apa-apa wang tabung kesetiaan yang tidak dikehendaki dengan segera.

61. *Fasal 67* menyatakan cara tuntutan boleh dibuat terhadap tabung kesetiaan.
62. *Fasal 68* menyebutkan had pampasan yang boleh dibayar daripada tabung kesetiaan.
63. *Fasal 69* memperuntukkan bahawa sesuatu syarikat bursa hendaklah mengeluarkan notis memanggil tuntutan terhadap tabung kesetiaan.
64. *Fasal 70* dan *71* adalah berhubungan dengan kuasa sesuatu syarikat bursa berkenaan dengan tuntutan yang dibuat terhadap tabung kesetiaan, yang termasuk kuasa untuk menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan dokumen, dll. bagi menyokong tuntutan itu.
65. *Fasal 72* memberikan hak untuk merayu kepada Suruhanjaya terhadap keputusan sesuatu syarikat bursa.
66. *Fasal 73* membenarkan syarikat bursa mensubrogasikan hak dan remedi pihak menuntut.
67. *Fasal 74* memperuntukkan bahawa pembayaran tuntutan di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat hanya daripada tabung kesetiaan.
68. *Fasal 75* memperkatakan situasi jika tabung kesetiaan tidak mencukupi untuk memenuhi tuntutan atau jika tuntutan melebihi jumlah amaun yang boleh dibayar.
69. *Fasal 76* adalah berhubungan dengan kuasa syarikat bursa untuk membuat kontrak insurans.
70. *Fasal 77* memperuntukkan bahawa syarikat bursa hendaklah bertanggung sepenuhnya dan hendaklah menanggung rugi broker-broker niaga hadapan bagi kemungkirannya sendiri.
71. *Fasal 78* memperkatakan situasi jika sesuatu syarikat bursa digulung di bawah Akta Syarikat 1965.

BAHAGIAN VII

72. Bahagian VII mengadakan peruntukan bagi kesalahan.
73. *Fasal 79* mewujudkan kesalahan berdagang secara palsu dalam kontrak niaga hadapan.
74. *Fasal 80* mewujudkan kesalahan pembrokeran liar berhubungan dengan kontrak niaga hadapan.
75. *Fasal 81* adalah berkenaan dengan kesalahan menyebarkan maklumat tentang perdagangan palsu.

76. Fasal 82 mewujudkan kesalahan berhubungan dengan manipulasi harga kontrak niaga hadapan. Adalah juga suatu kesalahan memborong-simpan atau cuba memborong-simpan apa-apa suratcara yang menjadi subjek sesuatu kontrak niaga hadapan.
77. Fasal 83 melarang penggunaan muslihat fraud atau perdayaan, dll. berkaitan dengan apa-apa transaksi yang melibatkan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan.
78. Fasal 84 mewujudkan kesalahan mendorong secara fraud, atau cuba mendorong secara fraud. seorang lain supaya berdagang dalam kontrak niaga hadapan dengan membuat atau menyiarkan pernyataan-pernyataan palsu.
79. Fasal 85 memperuntukkan bahawa tiada pekerja sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan boleh terlibat secara langsung atau tak langsung dalam perdagangan dalam kontrak niaga hadapan atau mendedahkan apa-apa maklumat sulit.
80. Fasal 86 melarang penyalahgunaan maklumat yang diperoleh oleh mana-mana orang atas sifat rasmi.
81. Fasal 87 melarang mana-mana pengarah, pengurus, pegawai, juruaudit, pekerja, wakil atau ejen sesuatu syarikat bursa daripada memalsukan rekod.
82. Fasal 88 mengadakan peruntukan bagi penalti kerana melanggar fasal 79 hingga 87.

BAHAGIAN VIII

83. Bahagian VIII adalah berhubungan dengan penguatkuasaan dan penyiasatan.
84. Fasal 89 mentakrifkan perkataan-perkataan tertentu yang digunakan dalam Bahagian VIII.
85. Fasal 90 dan 91 mengadakan peruntukan bagi kuasa-kuasa Pegawai Penyiasat.
86. Fasal 92 memben Pegawai Penyiasat kuasa untuk memeriksa saksi-saksi.

BAHAGIAN IX

87. Bahagian IX mengandungi peruntukan-peruntukan am.
88. Fasal 93 memperkatakan perjalanan pendakwaan.
89. Fasal 94 bertujuan mengenakan obligasi menyimpan rahsia ke atas tiap-tiap pengarah, pegawai atau pekerja sesuatu syarikat bursa atau pusat penjelasan.

90. *Fasal 95* menghendaki syarikat bursa, pusat penjelasan atau orang berlesen mengemukakan buku, akaun dan rekod apabila dikehendaki oleh Suruhanjaya.
91. *Fasal 96* mengadakan peruntukan mengenai penalti am bagi apa-apa kesalahan yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara khusus.
92. *Fasal 97* memberi Pegawai Pelesen kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan.
93. *Fasal 98* memperuntukkan bahawa seseorang orang yang telah disabitkan boleh dikenakan membayar pampasan.
94. *Fasal 99* memperkatakan kesalahan oleh perbadanan. dsb.'
95. *Fasal 100* menyatakan bahawa sesuatu kontrak niaga hadapan yang dibuat di sesuatu pasaran niaga hadapan bukanlah penjualan pendek atau kontrak perjudian atau pertagaan.
96. *Fasal 101* memperuntukkan bahawa perdagangan dalam kontrak niaga hadapan di pasaran niaga hadapan hendaklah dihadkan kepada suratcara-suratcara yang diluluskan oleh Suruhanjaya.
97. *Fasal 102* dan *103* mengadakan peruntukan berhubungan dengan perdagangan dalam kontrak niaga hadapan di luar Malaysia.
98. *Fasal 104* memperkatakan penyelesaian pertikaian di antara broker niaga hadapan dengan syarikat bursa dan di antara pelanggan dengan broker niaga hadapan yang hendaklah dibuat di bawah Akta yang dicadangkan atau kaedah-kaedah perniagaan sebelum membawanya ke Mahkamah.
99. *Fasal 105* melarang penggunaan gelaran-gelaran tertentu.
100. *Fasal 106* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud-maksud Akta yang dicadangkan ini.
101. *Fasal 107,108* dan *109* mengandungi peruntukan-peruntukan pengecualian berhubungan dengan Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Dagangan Komoditi 1985, Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN(U²)1671.]